

# AMALAN KUALITI

# MOOC MALAYSIA



# AMALAN KUALITI MOOC MALAYSIA

(MALAYSIA MOOC QUALITY PRACTICES)

Cetakan Pertama/ *First Printing 2018*

Hak cipta/ *Copyright*

Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia 2018

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia terlebih dahulu.

*All right reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Department of Higher Education, Ministry of Education.*

Diterbitkan di Malaysia oleh/ *Published in Malaysia by*

Jabatan Pendidikan Tinggi,

Aras 4, No 2, Menara 2,

Jalan P/S6, Presint 5,

62000 Putrajaya, Malaysia.

<https://www.jpt.mohe.gov.my/>

Dicetak di Malaysia oleh/ *Printed in Malaysia by*

Syarikat Perniagaan Weng Sing

Lot 452-A & 446,

Jalan 18/2A, Taman Sri Serdang,

43300 Seri Kembangan,

Selangor D.E, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Amalan Kualiti MOOC Malaysia

ISBN XXXXXXX

Data-Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Cataloguing-in-Publication-Data

# KANDUNGAN

SINGKATAN	6
<b>1 Pengenalan</b>	<b>7</b>
1.1 Objektif Buku Amalan Kualiti MOOC Malaysia	10
<b>2 Amalan Kualiti Pembangunan MOOC Malaysia</b>	<b>12</b>
2.1 PENGENALAN	12
2.2 KRITERIA UMUM	12
2.3 SKALA PENILAIAN	13
2.4 PETUNJUK KUALITI	13
2.4.1 Logo	13
2.4.2 Video Promosi/Video pengenalan kursus	15
2.4.3 Maklumat Kursus	16
2.5 HASIL PEMBELAJARAN TOPIK ( <i>TEACHING LEARNING OUTCOME</i> )	25
2.6 PENGENALAN KEPADA TOPIK	27
2.7 KANDUNGAN DALAM LAMAN KURSUS	28
2.7.1 Isi kandungan dalam menu navigasi kursus	28
2.8 AKTIVITI	30
2.8.1 Perbincangan di Forum	31
2.8.2 Wiki	32
2.8.3 Perkongsian Dokumen	32
2.8.4 Mentelaah bahan bacaan	33

2.8.5	Portfolio	33
2.9	PENTAKSIRAN	33
2.9.1	Pentaksiran Formatif dan Sumatif	34
2.9.2	Jenis Pentaksiran	35
2.9.3	Gred dan Laporan (bagi penawaran sijil pencapaian)	38
2.10	BAHAN RUJUKAN TAMBAHAN	38
2.10.1	Kriteria	38
2.11	BAHAN PENGAJARAN	40
2.11.1	Bahan yang disediakan	40
2.11.2	Disclaimer / penafian	40
2.11.3	Jumlah masa keseluruhan bahan pengajaran	40
2.11.4	Hak cipta/Harta intelek	40
2.11.5	Audio dan Grafik	40
2.12	VIDEO PEMBELAJARAN	41
2.12.1	Kategori Video Pembelajaran	41
2.12.2	Kualiti Video	42
2.12.3	Pembentang / Penyampai dan Maklumat Pembentang	42
2.12.4	Tempoh Video Asli	44
2.13	KRITERIA PENILAIAN KUALITI PEMBANGUNAN MOOC	54
<b>3</b>	<b>Jaminan Kualiti Penawaran MyMOOC</b>	<b>55</b>
3.1	PENGENALAN	55
3.2	PEMATUHAN	55
3.3	PERINCIAN KURSUS BAGI TUJUAN PENAWARAN	56

3.4	ENROLMEN PELAJAR BAGI MOOC	56
3.5	GOVERNAN	56
3.6	PENSIJILAN	57
3.6.1	Sijil Pencapaian	60
3.6.2	Penyataan Pencapaian	62
3.6.3	Sijil Tamat	63
3.7	PERANAN	64
3.7.1	Peranan Fasilitator	64
3.7.2	Peranan Pelajar	64
3.7.3	Peranan Penyedia Platform MOOC	65
3.7.4	Peranan Pusat Penyelarasan	65
<b>4</b>	<b>Pelaksanaan Penilaian Kelayakan Calon, Kandungan Kursus, dan Pencapaian Hasil Pembelajaran untuk Pemindahan Kredit MOOC</b>	<b>68</b>
4.1	PENGURUSAN PEMINDAHAN KREDIT	68
4.2	PERMOHONAN PEMINDAHAN KREDIT MOOC	70
4.2.1	Aras Program	70
4.2.2	Syarat-syarat Pemindahan Kredit	71
4.2.3	Pemetaan Kandungan Kursus	72
4.2.4	Had Pemindahan Kredit	72
4.3	KRITERIA PENGANUGERAHAN PEMINDAHAN KREDIT MOOC	75
4.3.1	Kualiti MOOC, Keperluan Kandungan Kursus dan Kesetaraan Kredit	75
4.3.2	Pengesahan Identiti Pemohon	76
4.3.3	Pengesahan Pencapaian Hasil Pembelajaran	78

4.3.4	Keputusan Penganugerahan Pemindahan Kredit MOOC	79
4.3.5	Penganugerahan pemindahan kredit	79
4.3.6	Rayuan	79
4.4	ALIRAN PROSES PEMINDAHAN KREDIT MOOC	80
<b>5</b>	<b>Rujukan</b>	<b>82</b>
<b>6</b>	<b>Penutup</b>	<b>83</b>
<b>7</b>	<b>Lampiran</b>	<b>84</b>
	LAMPIRAN A	84
	LAMPIRAN B	93
	LAMPIRAN C	99
<b>8</b>	<b>Glosari</b>	<b>102</b>
<b>9</b>	<b>Penyumbang</b>	<b>104</b>





# SINGKATAN

Singkatan	Diskripsi
<b>APEL</b>	Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu
<b>DePAN</b>	Dasar ePembelajaran Negara
<b>JKPK</b>	Jawatankuasa Pindah Kredit
<b>MOOC</b>	Massive Open Online Course
<b>MQA</b>	Malaysian Qualification Agency
<b>MyMOOC</b>	MOOC Malaysia
<b>PK</b>	Pemindahan Kredit
<b>PPT</b>	Pemberi Pengajian Tinggi
<b>PPPM (PT)</b>	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
<b>UA</b>	Universiti Awam
<b>MyCeL</b>	Malaysia Centre of e-Learning
<b>MEIPTA</b>	Majlis Ketua-Ketua e-Pembelajaran IPTA Malaysia
<b>KPM</b>	Kementerian Pendidikan Malaysia

# PENGENALAN

Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN) untuk Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA & IPTS) telah dilancarkan pada 16 April 2011 oleh YAB Menteri Pengajian Tinggi. Dasar ini dibangunkan khusus untuk menyokong Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) untuk menyediakan satu kerangka e-Pembelajaran berkualiti bertujuan membangunkan modal insan bertaraf dunia melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. DePAN mempunyai lima tunggak iaitu Infrastruktur, Struktur Organisasi, Kurikulum dan e- Kandungan, Perkembangan Profesional dan Pembudayaan. Setiap tunggak ini pula mempunyai bidang fokus dan juga aktiviti yang perlu dilaksanakan mengikut tiga fasa pelaksanaan, iaitu Fasa Awal (2011-2012), Fasa Pelaksanaan (2013 - 2014) dan Fasa Matang (2015).

Selaras dengan pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 [PPPM (PT)], Pemberi Pengajian Tinggi (PPT) Malaysia disarankan untuk melonjakkan Pembelajaran Sepanjang Hayat (Lonjakan 3), Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global (Lonjakan 9) dan Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi (Lonjakan 10). Ini bertujuan untuk meluaskan akses pendidikan, meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, mengurangkan kos penyampaian dan menonjolkan PPT Malaysia di arena antarabangsa.

Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global (GOL) merupakan wadah untuk memperluas akses kepada kursus yang ditawarkan oleh IPT dan meliberalkan pendidikan tinggi menjadi lebih mudah diakses oleh semua lapisan masyarakat. Malaysia berhasrat untuk menjadi hab perdana pendidikan melalui GOL. Lonjakan ini akan menyaksikan peningkatan akses kepada pendidikan berkualiti untuk rakyat Malaysia dan komuniti global, menyediakan penyampaian kursus yang cekap, membina jenama pendidikan Malaysia dan meningkatkan kecemerlangan IPT, khususnya dalam bidang tujahan dan kepakaran.

Kualiti adalah keseluruhan ciri-ciri dan sifat-sifat sesuatu produk atau perkhidmatan yang dapat memenuhi kehendak yang dinyatakan atau yang tersirat. Antara contoh ciri-ciri kualiti bagi produk adalah mudah diperolehi, tahan lama, bersih, selamat, boleh diuji, boleh dikesan dan mudah diangkut. Jaminan kualiti merujuk kepada satu sistem yang merangkumi teknik-teknik atau aktiviti yang digunakan untuk mencapai sesuatu sasaran atau kehendak kualiti serta mengekalkan dan memperbaiki kualiti sesuatu produk atau perkhidmatan. Ia merangkumi kesemua kerja pengoperasian atau proses atau proses ujian, pengukuran dan membandingkan produk yang terhasil/ dikeluarkan dengan satu piawaan dan kemudiannya menentukan samada produk tersebut patut diterima, ditolak diubahsuai atau dibina semula.

Justeru, Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN) telah dikaji semula dengan sewajarnya untuk menggabungkan agenda berkaitan dengan peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran, mempromosikan jenama pendidikan Malaysia serta menetap dan meningkatkan penonjolan IPS tempatan dalam landskap pendidikan global melalui bidang tujahan masing-masing.

Seiring dengan pelan pembangunan pendidikan nasional ini, pendekatan yang dicadangkan dalam PPPM (PT) adalah melalui penawaran Massive Open Online Course (MOOC) di setiap PPT di Malaysia. Ini dapat menyediakan sistem penyampaian kursus yang cekap, meningkatkan kecemerlangan PPT dalam bidang tujahan dan kepakaran dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai hub perdana pendidikan.

Tujuan buku Amalan Kualiti MOOC Malaysia ini adalah untuk dijadikan rujukan oleh setiap PPT dalam membangunkan dan menawarkan MOOC masing-masing. Pada masa yang sama, buku Amalan Kualiti MOOC Malaysia ini memberi maklumat tentang pembangunan, penyampaian, pensijilan dan pemindahan kredit MOOC Malaysia.

MOOC Malaysia telah dilancarkan pada tahun 2014 bermula dengan kursus rintis iaitu Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), *ICT Competency*, Hubungan Etnik di Malaysia dan *Enterprenuership*. Lanjutan daripada itu setiap universiti awam (UA) telah mengambil inisiatif bagi membangunkan sekurang-kurangnya tiga kursus MOOC setahun. Malaysia MOOC tidak terhad kepada UA sahaja. Politeknik, Kolej Komuniti dan Universiti Swasta telah membangunkan kursus MOOC masing-masing. Sasaran Lonjakan 9, menjelang tahun 2020 setiap UA harus membangunkan sekurang-kurangnya 15 kursus MOOC.

MOOC Malaysia merupakan MOOC yang dibangunkan oleh setiap PPT di Malaysia. Kursus yang dipilih untuk dibangunkan adalah daripada mana-mana kursus dalam program akademik sedia ada dan kursus-kursus lain yang disesuaikan di bawah pertimbangan PPT masing-masing. Sesuatu MOOC yang dibangunkan boleh dikategorikan sebagai MOOC Malaysia jika memenuhi syarat-syarat berikut:

- Memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Garis Panduan Pembangunan dan Penyampaian MOOC Malaysia (GPPMM, 2017),
- Mendapat perakuan Pusat e-Pembelajaran Malaysia (MyCeL) atau mana-mana Jawatankuasa yang diberi mandat oleh JPT.

Buku ini perlu dibaca bersama:


- DePAN 2.0
- Garis Panduan Pembangunan dan Penyampaian MOOC Malaysia (GPPMM)
- Guideline For Credit Transfer MOOC oleh MQA
- Guidelines to Good Practices: Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award (APEL C) oleh MQA.

## 1.1 Objektif Buku Amalan Kualiti MOOC Malaysia

Objektif buku Amalan Kualiti MOOC Malaysia Sebagai sumber rujukan pembangunan pendidikan berkualiti, fleksibel dan terbuka menerusi wahana e-pembelajaran khususnya merangkumi perkara berikut:

- i. Menyediakan amalan kualiti pembangunan kursus MOOC untuk memenuhi keperluan hasil pembelajaran.
- ii. Menyediakan amalan kualiti penawaran kursus MOOC untuk memastikan penyampaian yang berkesan.
- iii. Menyediakan amalan kualiti pensijilan MOOC bagi mengiktiraf pelajar mengikut tahap yang bersesuaian.
- iv. Menyediakan amalan kualiti pemindahan kredit MOOC dalam membangunkan prosedur pemindahan kredit di PPT masing-masing.

Proses kerja MyMOOC melibatkan pakar rujuk subjek, pusat e-pembelajaran PPT, fakulti PPT dan MyCeL seperti yang diringkaskan dalam carta alir Rajah 1.1.



**Rajah 1.1: Carta Alir Proses Kualiti MOOC Malaysia**

# AMALAN KUALITI PEMBANGUNAN MOOC MALAYSIA

## 2.1 PENGENALAN

Pembangunan MOOC memerlukan perancangan, reka bentuk dan susun atur yang rapi. Reka bentuk dan pelaksanaan aktiviti yang terancang merupakan antara faktor-faktor yang perlu dititikberatkan oleh pembangun MOOC. Manakala kandungan bahan merupakan item yang sangat penting dalam memastikan MOOC yang ditawarkan memenuhi kehendak kursus dan mencapai objektif utama MOOC. Oleh itu, jaminan kualiti untuk pembangunan MOOC Malaysia diperlukan bagi memastikan kualiti MOOC yang dibangunkan memenuhi amalan kualiti yang telah ditetapkan.

Setiap PPT perlu melantik Jawatankuasa Jaminan Kualiti dalaman untuk memantau kursus MOOC yang dibangunkan oleh PPT tersebut. Jaminan kualiti di peringkat PPT perlu mempunyai dokumen senarai semak dan rubrik jaminan kualiti yang bersesuaian. Audit jaminan kualiti kursus MOOC akan dijalankan di peringkat kebangsaan oleh MyCeL. Hanya kursus MOOC dari PPT yang telah melepasi proses jaminan kualiti MyCeL sahaja akan disenaraikan dalam Malaysia MOOC (MyMOOC).

## 2.2 KRITERIA UMUM

Secara umumnya, setiap petunjuk kualiti perlu mempunyai kriteria mengikut kesesuaian kualiti MOOC yang diukur.

## 2.3 SKALA PENILAIAN

Bagi menilai kualiti pembangunan MOOC, beberapa skala penilaian kualiti disediakan sebagai garis panduan bagi memudahkan panel penilai di peringkat PPT dan MyCeL untuk membuat semakan mengikut senarai semak yang disediakan. Secara umumnya, skala penilaian kualiti pembangunan telah disediakan seperti Jadual 2.1.

**Jadual 2.1:** Skala Penilaian Kualiti Pembangunan MOOC

Skala	Diskripsi Penilaian Kualiti
0	Tiada
1 hingga 4	Mengikut peratus atau bilangan item dalam setiap petunjuk kualiti

## 2.4 PETUNJUK KUALITI

### 2.4.1 Logo

Tiga logo wajib iaitu logo PPT, KPT dan MyMOOC perlu diletakkan di laman utama kursus, contohnya di banner kursus. Manakala, logo MOOC PPT adalah optional. Mana-mana MOOC yang tidak dapat pengesahan MyCeL tidak boleh menggunakan logo MyMOOC. Logo perlu dipaparkan di laman utama kursus seperti di bahagian *banner*. Logo MyMOOC boleh diletakkan pada *banner* kursus setelah kursus tersebut mendapat akreditasi penuh oleh MyCeL.

#### *Kriteria logo*

Saiz dan resolusi logo yang konsisten adalah penting untuk keterlihatan yang jelas (*clearly visible*) seperti cadangan berikut:

- i. Cadangan lebar minimum logo: 20 mm
- ii. Cadangan resolusi: 72 ppi (piksel per inci)

Contoh logo

Rajah 2.1 (a) dan (b) menunjukkan contoh paparan logo di banner kursus yang terdiri daripada logo KPT (A), logo PPT (B), Logo MOOC PPT (C), dan logo MyMOOC (D).



Rajah 2.1(a): Banner MOOC bagi UiTM MOOC (<http://openlearning.com/uitmmooc>)



Rajah 2.1(b): Banner MOOC bagi UMT MOOC ([umtmooc.umt.edu.my](http://umtmooc.umt.edu.my))


## 2.4.2 Video Promosi/Video pengenalan kursus

Video promosi diperlukan sebagai video pengenalan bagi setiap kursus dalam MyMOOC yang bertujuan memberi maklumat ringkas mengenai kursus. Durasi ideal video ini adalah lebih kurang 3 minit.

### *Kriteria*

Maklumat yang perlu dinyatakan dalam video promosi adalah ringkasan kursus termasuk maklumat tentang pengajar kursus, topik kursus, objektif/tujuan kursus, jangkaan hasil pembelajaran kursus, tempoh pembelajaran kursus, serta tarikan perhatian untuk menyertai kursus. Rajah 2.2(a) dan (b) menunjukkan contoh video promosi kursus.

Lesson 1.2 - Inferential Statistics & Key Concepts



Lesson 1.2 - Inferential Statistics & Key Concepts

UM  
UNIVERSITI MALAYA

**Ex. 12.5**  
Polls - a random sample of voters is asked for whom they voted.


From the data, the sample proportion of voters supporting the candidates is computed.

A statistical technique is applied to determine whether there is enough evidence to infer that the leading candidate will garner enough votes to win.

Dr. Radziah Adam

School of Distance Education

YouTube



Rajah 2.2(a): Video promosi yang menunjukkan maklumat tenaga pengajar kursus



**Rajah 2.2(b): Video promosi yang menunjukkan maklumat tenaga pengajar kursus**

### 2.4.3 Maklumat Kursus


Maklumat yang disertai dalam laman kursus perlulah merangkumi :

- tajuk kursus;
- deskripsi/sinopsis kursus;
- hasil pembelajaran kursus;
- maklumat fasilitator;
- tempoh pengajaran;
- Jam Kredit;
- pengumuman;
- maklumat penilaian; dan
- prasyarat kursus (jika ada).

Maklumat kursus perlu dipaparkan di laman prebiu kursus (sebelum pelajar menyertai kursus) dan laman utama kursus (selepas pelajar menyertai kursus).

### Tajuk Kursus

Kursus yang dipaparkan perlu mempunyai tajuk yang bersesuaian bagi menggambarkan keseluruhan kandungan kursus. Rajah 2.3(a) dan (b) menunjukkan contoh paparan tajuk kursus.



Rajah 2.3(a): Contoh paparan tajuk kursus pada banner kursus

**UNIVERSITI MALAYA**

**Introduction to Malaysian Tax**  
**Sub topic : Characteristics of Tax**  
**The Malaysian Tax Environment**

*Week 1*  
 by Dr. Anna Azriati Che Azmi  
 Faculty of Business and Accountancy  
 University of Malaya

ABC SDN BHD  
 32A, 1st Floor, Jalan Tasek 4,  
 Bandar Baru Klang,  
 41150 Klang, Selangor DE.  
 Tel: 03-3341 8808 Fax: 03-3341 2908  
 GST ID: 1800120115

Cash Sales  
 No. 02-00001

Qty	RM	Tax
ERICSSON BATTERY @	1.00	139.00 SR
150.00 UNIT		
ANTENNA @ 40.00 /	2.00	84.80 SR
CARTON		
ERICSSON BATTERY @	3.00	477.00 SR
150.00 UNIT		
HANDS FREE KITS @	5.00	75.00 2R(L)
15.00 UNIT		
LEATHER CLIP @ 1.20 /	12.00	15.28 SR
UNIT		
NOVIA 331 @ 55.71 /	6.00	6,065.30 SR
UNIT		
<b>Total Amt incl. GST @ 6%</b>		<b>6,908.36</b>
Rounding Adjustment		(0.01)
<b>Total Amt to Pay</b>		<b>6,908.35</b>
Paid Amount		6,800.00
<b>Change</b>		<b>(108.35)</b>
<b>Total Qty Tender:</b>		<b>78</b>

GST Summary  
 Amount Tax  
 (RM) (RM)  
 SR 6,844.68 348.68  
 2R(L) 75.00 0.00  
 0.00 0.00

THANK YOU

For any enquiry, please e-mail us:  
 support@hd.com.my  
 2025/12/14 2:13:20 PM

**Rajah 2.3(b): Contoh paparan tajuk kursus pada paparan utama dalam kursus**

### Deskripsi/Sinopsis Kursus

Kursus perlu mempunyai penerangan secara menyeluruh bagi pelajar mengetahui kandungan pembelajaran yang akan disertai dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sinopsis kursus diletakkan di laman utama sebelum peserta menyertai kursus seperti ditunjukkan dalam Rajah 2.4.

Openlearning Search

Intro TAC401

Introductory Arabic (Level 1)

Status: On now

Students: 939

f 37 t in

Join the course

By the end of the course, student will be able to form complete sentences at the very basic level effectively in daily communication.

This MOOC is the course for the first stage of the Introductory Level of the Arabic Language. Students taking this course are exposed to the vocabulary, grammar and Arabic phrases as well as introductory conversational Arabic in daily situational contexts. All contents presented in the form of videos with translations, notes and links to other resources. Each topic is reinforced by activities in the form of quizzes and activities that use Web 2.0 applications. The interactivity of this course is through comments and chat rooms that can improve communication skills.

**Rajah 2.4: Diskripsi kursus di laman utama sebelum peserta menyertai kursus**

### *Hasil Pembelajaran Kursus*

Hasil pembelajaran kursus (*Course Learning Outcome*) perlu dinyatakan secara terperinci dalam laman utama kursus supaya pelajar mengetahui tentang ilmu pengetahuan, kemahiran serta bidang yang bersesuaian dengan kursus yang disertai seperti ditunjukkan dalam Rajah 2.5.

Openlearning Search

2. Expose the concepts and theories of naval architecture, ship's basic line drawing (lines plan), and the calculation of ship loading, hydrostatic and stability of the ship.
3. Describe the characteristics of modern building materials, the limits of construction materials and selection of building materials
4. Discussing the process of ship building, docking facilities, fabrication of ships and the roles of classification body.

**Learning Outcomes**

At the end of this course, students should be able to:

1. Clearly explain definitions, symbols, terminologies found in naval architecture.
2. Applying the concepts and theories of naval architecture in **shipbuilding**
3. Draw the lines drawing plans and an analysis of hydrostatic, stability of ships and loading of ships based on the concepts and theories of naval architecture.
4. Describe clearly the characteristic of modern building materials, the limits of construction materials and selection of building materials.
5. Explain the process of ship building, docking facilities, fabrication of ships, and the role of ship classification society.
6. Apply an appropriate knowledge and skills on designing a marine vessel using naval architecture theory.

Status Duration: Self-paced

**UMT**  
 Naval Architecture  
 and Ship Building

Status: On now  
 Duration: 8 Weeks  
 Students: 325

Join the course



**Rajah 2.5: Paparan hasil pembelajaran kursus sebelum peserta menyertai kursus**

### *Maklumat Fasilitator*

Maklumat fasilitator atau tenaga pengajar perlu dinyatakan seperti nama, jawatan, bidang kepakaran, alamat e-mel dan lain-lain maklumat yang bersesuaian.

### *Tempoh Pengajaran*

Kursus perlu menyatakan tarikh mula, tarikh akhir serta tempoh pengajaran. Ini termaktub untuk pembelajaran yang bersifat sendiri (self-paced learning) ataupun kursus semester lazim (in-session) atau pembelajaran atas talian sepenuh masa seperti dntunjukkan dalam Rajah 2.6.

Openlearning Search

Topics: Sustainable Agriculture

Topic 6: Innovation and Challenges in Agriculture

Topic 7: Roles of Agriculture in an Economy

**Learning Outcome:**

Students enrolled in this course will learn to appreciate agriculture when they gain in depth understanding on the role of agriculture in the development of civilization and human well being. Apart from that, students will have the opportunity to explain and evaluate the role of agriculture and management of natural resources for the development of sustainable agriculture. Most importantly, students will better comprehend the importance of agriculture sector in ensuring food security, influencing environmental condition and contributing basic resources for industry and economy.

**Format:**  
This course includes 7 topics of lectures, activity videos and reflection questions. Each topic also comes with a quiz (machine graded).

**Start Date:**  
7 September 2015

**Duration:**  
8 weeks

Welcome to **Agriculture and Man**

Agriculture and Man

Status: On now

Students: 815

f 185 t in

Join the course

**Rajah 2.6: Penyataan tarikh mula dan tarikh tamat kursus**

### *Pengumuman*

Pengetahuan prasyarat kursus jika berkaitan perlu dinyatakan dalam laman prebiu kursus. Pengetahuan prasyarat seharusnya disediakan juga bagi membantu pelajar menyediakan diri mereka dalam meneroka kursus yang bakal disertai.

### *Maklumat Pentaksiran*

Setiap kursus mempunyai pentaksiran formatif dan sumatif. Perlu dinyatakan jenis-jenis pentaksiran seperti projek, kuiz dan lain-lain.

### *Etika Komunikasi*

Etika berkomunikasi dalam talian semasa sesi pembelajaran berjalan perlu diaplikasikan di antara pelajar dengan fasilitator serta pelajar sesama pelajar. Etika ini adalah kod

atau kaedah tingkah laku yang sesuai semasa berinteraksi sama ada melalui forum, e-mel, komen dan bilik perbincangan (*chat room*). Contoh etika komunikasi boleh dilihat di pautan berikut:

- i. University of Florida:  
<http://teach.ufl.edu/wp-content/uploads/2012/08/NetiquetteGuideforOnlineCourses.pdf>
- ii. *Open Education Resource Commons* daripada Evan Abby:  
<https://www.oercommons.org/courses/netiquette-2/view>

### *Reka Bentuk Instruksi*

Reka bentuk instruksi pembangunan MOOC adalah berasaskan hasil pembelajaran yang diperolehi oleh pelajar dan digabungkan dengan prinsip/model reka bentuk instruksi Gagne atau mana-mana prinsip/model reka bentuk instruksi yang bersesuaian. Contoh Gagne 9 Events of Instruction boleh dirujuk di Jadual 2.1.

Fokus reka bentuk adalah berasaskan aktiviti untuk mencapai hasil pembelajaran. Kandungan dan pentaksiran yang bersesuaian perlu disediakan bagi menyokong aktiviti pembelajaran. Setiap aktiviti perlu dijangka kepada hasil pembelajaran yang merangkumi pengetahuan, kemahiran dan sikap. Jadual 2.2 adalah contoh reka bentuk instruksi untuk rujukan. Bagi penyemakan kualiti, setiap topik mestilah mempunyai hasil pembelajaran, aktiviti yang bersesuaian dan pentaksiran untuk mencapai hasil pencapaian.

**Jadual 2.1: Gagne 9 Events of Instruction**

Langkah	Instruksi
1	Menarik perhatian
2	Memaklumkan kepada pelajar tentang objektif pelajaran
3	Merangsang ingatan kembali terhadap pengetahuan sedia ada
4	Mengemukakan kandungan
5	Membimbing pembelajaran
6	Melaksanakan perlakuan
7	Memberi maklum balas
8	Menilai perlakuan dan prestasi
9	Merangsang ingatan dan pemindahan pembelajaran

Pakar rujuk kursus (SME) lebih berperanan kepada pereka pembelajaran supaya SME boleh mereka bentuk aktiviti dengan kandungan dan pentaksiran yang bersesuaian agar satu persekitaran pembelajaran yang bermakna dapat dihasilkan.

Untuk satu-satu topik, pelbagai aktiviti perlu disediakan mengikut aliran pengajaran Gagne 9 *Events of Instruction* bergantung kepada kesesuaian dan kreativiti masing-masing. Setiap aktiviti boleh menggunakan pelbagai bentuk media.

**Jadual 2.2: Contoh Reka Bentuk Instruksi**

Contoh Reka Bentuk Instruksi untuk Topik 1		
<p>Topik 1                      Hasil Pembelajaran Topik 1 untuk mencapai hasil pembelajaran:                      (kemahiran berfikir aras tinggi yang mengandungi:                      - Create...                      - Appreciate...                      - Analyse...)</p>		
Sub Topik 1	Aktiviti Sub Topik 1	Pentaksiran Sub Topik 1 (Untuk mencapai hasil pembelajaran)
Tajuk Sub Topik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• video</li> <li>• Perbincangan (Forum)</li> <li>• Tugas</li> <li>• Pemerhatian</li> <li>• Jurnal Refleksi</li> <li>• Wiki</li> <li>• Penyelidikan sendiri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuiz pelbagai pilihan</li> <li>• Kuiz berbentuk interaktif</li> <li>• Penilaian rakan</li> </ul>
Tajuk Sub Topik 2	Aktiviti sub Topik 2	Pentaksiran Sub Topik 2 (Untuk mencapai hasil pembelajaran)

## 2.5 HASIL PEMBELAJARAN TOPIK (*TEACHING LEARNING OUTCOME*)

### 2.5.1 Definisi

Setiap kursus digalakkan menyatakan Hasil Pembelajaran Topik (TLO) supaya pelajar maklum tentang pengetahuan, kemahiran dan nilai (kemahiran insaniah) yang bakal mereka peroleh dari setiap topik atau modul.

### 2.5.2 Kriteria

Aspek yang perlu dipertimbangkan dalam menulis Hasil Pembelajaran Topik (TLO) adalah set pengetahuan baru, kemahiran, fakta, konsep dan prinsip baru yang bakal dipelajari dari setiap topik.

Contoh:

Dalam menyatakan TLO, ayat perlu berada dalam bentuk kata kerja seperti "mengenal", "memahami", "mendapat," "memperolehi" , mempelajari dan lain-lain ikut kesesuaian *bloom taxonomy*.

Contoh Hasil Pembelajaran Topik adalah:

- i. Di pengakhiran topik pelajar akan mengenal/ mendapat/memperolehi/ mempelajari ATAU;
- ii. Mengenalpasti tentang....

Rajah 2.7(a) dan (b) menunjukkan contoh hasil pembelajaran topik dalam kursus.

UTeM MOOC  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**MANDARIN 1**

Start an Activity

26 ☆

### Course Overview

- 1 Home
- 2 Lesson 1: Chinese Phonetics Part 1
- 3 Lesson 2: Chinese Phonetics Part 2
- 4 Writing Lesson : Chinese Characters
- 5 Lesson 3: Dialogue 1 - What Is Your Name?
- 6 Lesson 4: Dialogue 2 - Greetings

**Learning Outcomes:**  
At the end of this lesson, you should be able to:


- 1) practise how to greet properly.
- 2) response to the greeting correctly.
- 3) identify how to address family members.

Activities

- Lesson 4: Question 1
- Lesson 4: Question 2



Rajah 2.7(a): Hasil Pembelajaran Topik dalam Kursus



Rajah 2.7(b): Hasil Pembelajaran Topik dalam Kursus

## 2.6 PENGENALAN KEPADA TOPIK

Setiap topik perlu mempunyai penarik perhatian (*Attention Grabber*) sebagai sebahagian dari set induksi pada permulaan topik.


Penarik Perhatian (*Attention Grabber*) kebiasaannya adalah ayat awal yang digunakan sebagai pembuka bicara dalam pengenalan pada setiap topik. Perhatian ini boleh dalam bentuk soalan, elemen kejutan, atau pun petikan/ungkapan kata-kata. Contoh ditunjukkan dalam Rajah 2.8.

▼ Introduction to Blended Learning
Completed: 3 / 4 ✈


I hope you have introduced yourself in the ice breaking session (padlet) earlier.

In this module, we will begin to explore the meaning of blended learning and its importance. Therefore, get ready, these are the topics to discuss:


1. What is blended learning?
2. Why is blended learning important?
3. Current research findings about blended learning
4. A framework underpinning blended learning



What is blended learning?



Why is blended learning important?



**Rajah 2.8: Pembuka kata sebagai penarik perhatian dalam kursus**

## 2.7 KANDUNGAN DALAM LAMAN KURSUS


### 2.7.1 Isi kandungan dalam menu navigasi kursus

Isi kandungan merujuk kepada kandungan kursus yang dipaparkan pada menu navigasi. Senarai isi kandungan perlu dipamerkan untuk memberi gambaran keseluruhan topik-topik di dalam kursus. Isi kandungan yang perlu ada untuk kursus adalah:

- i. Senarai Topik-topik utama Kursus
- ii. Senarai Sub topik (jika berkenaan)
- iii. Bahan pembelajaran (Learning Materials)

- iv. Aktiviti pembelajaran (Learning Activities)
- v. Pentaksiran (Assessment)
- vi. Bahan tambahan (Additional Materials)

Kandungan ini boleh disusun aturkan mengikut kesesuaian kursus, sama ada diletakkan di menu navigasi atau di mana-mana menu yang sesuai di dalam kursus. Contoh ditunjukkan dalam Rajah 2.9(a) dan (b).



Rajah 2.9(a): Paparan Menu Navigasi

Rajah 2.9(b): Paparan Menu Navigasi dalam Bahasa Arab

## 2.8 AKTIVITI

Pelaksanaan aktiviti adalah penting dalam sesebuah kursus MOOC bagi memastikan pelajar mencapai hasil pembelajaran kursus. Aktiviti perlu dirancang untuk membolehkan pelajar melalui pengalaman pembelajaran yang berkualiti melalui MOOC.

Setiap topik perlu mempunyai aktiviti yang bersesuaian dengan hasil pembelajaran topik yang telah ditetapkan dan sejajar dengan hasil pembelajaran kursus.

Terdapat pelbagai aktiviti yang dapat dilaksanakan dalam MOOC, ini termasuklah perbincangan di dalam forum yang disediakan, menggunakan alat Wiki, berkongsi dokumen, mentelaah bahan bacaan yang disediakan, e-portfolio dan lain-lain lagi. Berikut adalah contoh-contoh bentuk aktiviti yang dijalankan dalam MOOC:

### **2.8.1 Perbincangan di Forum**

Pakar rujuk bidang MOOC boleh menyediakan forum bagi setiap topik bagi membolehkan pelajar berinteraksi dengan fasilitator dan rakan-rakan mereka. Maklumbalas pelajar adalah berdasarkan pendapat mereka, pembacaan, temubual, menonton video, menjalankan eksperimen, menjalankan kerja lapangan dan lain-lain aktiviti.

Kebiasaannya fasilitator akan menyediakan beberapa subtopik dan para pelajar akan memberikan maklumbalas terhadap subtopik berkaitan. Pelaksanaan perbincangan boleh dibahagikan kepada penglibatan individu atau berkumpulan. Bagi maklumbalas secara berkumpulan, para pelajar boleh dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil. Para pelajar boleh memuatnaik bahan perbincangan ke dalam forum sebagai hasil dan bukti pelaksanaan perbincangan yang telah dijalankan.

Contoh perbincangan di forum ialah fasilitator mengarahkan pelajar mengemukakan pandangan mereka berdasarkan video yang dimuatnaik. Pelajar perlu menonton video tersebut dan seterusnya mengemukakan pendapat mereka. Pendapat mereka boleh berdasarkan persetujuan, analisis, penilaian dan lain-lain. Rajah 2.10 menunjukkan contoh aktiviti yang meminta pelajar untuk memberi pendapat berdasarkan bahan yang diberi.

Your Progress

Anda semua telah menonton 3 video di atas yang menceritakan 3 kes-kes mahkamah yang berbeza. Berdasarkan video-video di atas, pada pendapat anda, apakah fungsi atau peranan utama Mahkamah?

Apa pendapat anda:

# fungsi



**Rajah 2.10: Paparan Fasilitator meminta pelajar memberikan pendapat sebagai salah satu aktiviti dalam kursus**

### 2.8.2 Wiki

Pakar rujuk bidang MOOC perlu merancang dan mengarahkan para pelajar untuk menggunakan alat Wiki bagi menghasilkan tugas atau kerja kursus yang dijalankan secara berkumpulan. Sebagai contoh, pelajar bekerja secara berkumpulan membina satu laman web tentang Pendekatan Pembelajaran.

### 2.8.3 Perkongsian Dokumen

Dalam pelaksanaan MOOC, pakar rujuk bidang perlu menyediakan platform yang membolehkan para pelajar berkongsi dokumen bagi tujuan pembelajaran seperti artikel jurnal berkaitan, video, keratan akhbar, pautan dan lain-lain lagi untuk kerja

kursus atau tugas. Contoh platform untuk perkongsian dokumen adalah GoogleDoc, Padlet dan lain-lain lagi.

#### **2.8.4 Mentelaah bahan bacaan**

Pakar rujuk bidang perlu menyediakan bahan bacaan tambahan untuk mempertingkatkan pemahaman pelajar dalam topik atau sub-topik tertentu seperti laporan kes, jurnal artikel, hasil penyelidikan, monograf, bab dalam buku, artikel dalam prosiding dan lain-lain bentuk bahan bacaan. Bahan tambahan ini dapat memberikan perspektif yang berbeza kepada pelajar tentang topik atau sub-topik tertentu.

#### **2.8.5 Portfolio**

e-portfolio merupakan salah satu aktiviti yang boleh dijalankan dalam pelaksanaan MOOC. Pelajar boleh merekodkan aktiviti, artifak dan refleksi pembelajaran sebagai e-portfolio dalam MOOC. e-portfolio ini boleh disediakan dalam pelbagai bentuk antaranya video, multimedia, entri blog, hyperlink dan web tool yang lain.

### **2.9 PENTAKSIRAN**

Dalam pelaksanaan MOOC, aktiviti pentaksiran perlu dilaksanakan untuk menaksir pencapaian pelajar setelah melalui aktiviti-aktiviti yang telah dirancang dan dijalankan. Setiap topik perlu ada pentaksiran yang bersesuaian dengan TLO yang telah ditetapkan dan sejajar dengan CLO kursus.

Pelaksanaan pentaksiran boleh berbentuk formatif dan sumatif. Mod pentaksiran pula boleh dalam berbentuk bersemuka atau atas talian. Pentaksiran boleh dijalankan oleh fasilitator atau rakan. Gred dan laporan hanya perlu disediakan bagi menentukan pencapaian pelajar oleh universiti pemberi MOOC yang menawarkan sijil pencapaian. Untuk sijil tamat kursus, gred dan laporan tidak perlu disediakan.

### 2.9.1 Pentaksiran Formatif dan Sumatif

Pentaksiran perlu dilakukan bagi setiap topik dalam MOOC. Pentaksiran formatif dijalankan secara berterusan dalam tempoh pembelajaran kursus yang bertujuan untuk menambahbaik pengetahuan dan kemahiran pelajar melalui aktiviti yang telah dikenalpasti, dirancang dan dilaksanakan oleh pelajar. Pembelajaran sumatif pula dijalankan di akhir satu topik atau di akhir kursus bertujuan untuk mengukur pencapaian pelajar. Pakar rujuk bidang boleh melaksanakan pentaksiran

Pentaksiran samada formatif atau sumatif perlu diujarkan dengan hasil pembelajaran topik atau kursus serta aktiviti pembelajaran yang dirancang untuk dilalui oleh pelajar dan kaedah pengajaran yang telah ditetapkan terlebih dahulu. Pelaksanaan pentaksiran formatif dan sumatif perlu dibangunkan sesuai dengan bilangan pelajar yang ramai. Contohnya seramai 200 orang pelajar telah mendaftar Kursus Pendidikan di Malaysia. Para pelajar diberi pentaksiran secara berterusan (formatif) tentang kemahiran untuk membangunkan rekabentuk instruksional yang berciri abad ke-21. Mereka juga diberi pentaksiran sumatif dalam bentuk ujian untuk mengetahui kefahaman mereka dalam rekabentuk instruksional atau tugas untuk mengukur pencapaian mereka dalam menguruskan maklumat dalam tugas yang diberi.

## 2.9.2 Jenis Pentaksiran

Terdapat banyak jenis bentuk pentaksiran yang boleh digunakan dalam pelaksanaan MOOC. Walaubagaimanapun pentaksiran mestilah sejajar dengan hasil pembelajaran kursus mengikut peringkat MQF. Antara contoh pentaksiran adalah soalan aneka pilihan, soalan betul/salah, soalan suaikan, soalan isi tempat kosong, tugas dalam talian, karangan, portfolio, tahap penglibatan dalam forum dan lain-lain lagi.



Sebagai contoh, bagi soalan aneka pilihan (*Multiple Choice Question, MCQ*), pada peringkat awal pelaksanaan, pentaksiran MCQ dilaksanakan sebagai pentaksiran sumatif di mana maklum balas dan skor pencapaian dilakukan oleh pelajar setelah selesai mengikuti sesuatu topik pembelajaran. Minimum 10 soalan MCQ disediakan untuk pentaksiran sumatif bagi sesuatu topik. Pembinaan MCQ juga perlu mewujudkan ruang memberi maklum balas kepada pelajar supaya pelajar mengetahui kesilapan mereka dan belajar dari kesilapan tersebut.



---

3.2 Which of the following statement is not related to the computer architecture?

- Only recognized by the programmer.
- The connection between computer device resources.
- Instruction set, data representation, addressing and I/O.
- The computer attribute which has direct effect to program execution.

**Rajah 2.11: Contoh pentaksiran soalan aneka pilihan**



**Introduction to LINGUISTICS**

Supported by  

0


Home  
 Modules & Activities  
 Content  
 Groups  
 Gallery  
 Kill Out Zone  
 Share and Inspire  
 Blog  
 Live Date  
 Monday, 08 Feb  
 16 12:00am

Modules » Language and Linguistics  
**Crossword Puzzle - Language Features**

Start an Activity  
 Subscribe

Nuraihan Mat Daud – edited 3 years ago – history

**Language features**



**Across**  
 1. Language rules are \_\_\_\_\_ shared.  
 3. Any value can be assigned to a \_\_\_\_\_.  
 5. Language elements can be combined to produce new \_\_\_\_\_.  
 6. There is a \_\_\_\_\_ of language usage.

**Down**  
 2. \_\_\_\_\_ words are words that are associated with their referent.  
 4. One of the main features of language. \_\_\_\_\_

Rajah 2.12: Contoh pentaksiran teka silangkata

2. Classified the given features according to the computer type.

Microcomputer	Minicomputer	Mainframe	Super computer

Drag and drop the following into the correct categories above.

- Size is smaller than mainframe.    Easy to carry.    Suitable for central management.    The highest processing capability.    Small size.
- Suitable to be used with gigantic database.    Processing capability higher than minicomputer.    Able to execute arithmetic and basic logic.
- Process does not need huge data access.    Suitable for huge calculation which need precision.    Bigger than minicomputer.
- Based on microprocessor technology.    Suitable for end user.

Check Answers

Rajah 2.13: Contoh pentaksiran suaiakan

The screenshot shows a MOOC interface with a navigation menu on the left and a quiz question in the main area. The navigation menu includes: Home, Pengumuman, Learning Activities, Groups, Gallery, and Certification Status. The quiz question is in Indonesian and asks to match specific courts with their descriptions. The interface also shows a 'Your Progress' indicator, a 'Check' button, and a text input field for the user's answer.

Anda semua baru selesai menonton video yang menerangkan mahkamah-mahkamah khas yang terdapat di Malaysia. Untuk menguji kefahaman anda, mari kita cuba latihan di bawah:

Sila padankan mahkamah-mahkamah khas dengan penerangan yang betul:

Mahkamah Kanak-Kanak	<input type="radio"/>	Mendengar isu-isu di antara orang Islam	<input type="radio"/>
Mahkamah Perusahaan	<input type="radio"/>	Membicarakan kesalahan-kesalahan jenayah yang dilakukan oleh mereka berumur bawah 18 tahun	<input type="radio"/>
Mahkamah Syariah	<input type="radio"/>	Membicarakan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh anggota tentera	<input type="radio"/>
Mahkamah Tentera	<input type="radio"/>	Mendengar isu-isu di antara suku kaum di Sabah dan Sarawak	<input type="radio"/>
Mahkamah Anak Negeri	<input type="radio"/>	Memutuskan pertikaian di antara majikan dan pekerja	<input type="radio"/>

Berdasarkan penerangan, video dan latihan di atas, pada pendapat anda, apakah perbezaan di antara Mahkamah dan Mahkamah-Mahkamah khas

Apa pendapat anda:

Rajah 2.14: Contoh pentaksiran padankan

### 2.9.3 Gred dan Laporan (bagi penawaran sijil pencapaian)

Penggredan sesuatu kursus perlu dilaksanakan untuk membolehkan pelajar mengetahui tahap pencapaian mereka. Setiap penggredan perlu dijalankan dengan telus supaya pelajar mengetahui bagaimana mereka memperolehi sesuatu gred. Gred yang diperolehi pelajar perlu dimaklumkan kepada mereka. Kesetaraan jumlah markah dengan gred boleh dinyatakan untuk tujuan pemindahan kredit. Laporan ini penting bagi menentukan gred yang diperolehi oleh pelajar dinyatakan dalam sijil pencapaian mereka sebelum proses pemindahan kredit MOOC dilakukan.

## 2.10 BAHAN RUJUKAN TAMBAHAN

Bahan-bahan rujukan tambahan yang berkaitan, relevan dan bersesuaian dengan topik atau subjek tersebut diletakkan di akhir setiap topik. Bahan-bahan ini perlu disenaraikan untuk pelajar bagi membantu pelajar mendalami dan/atau memahami subjek tersebut dengan lebih lanjut.

Bahan-bahan ini akan menyokong penjanaian pengetahuan pelajar terhadap topik tersebut dan membantu dalam mencapai hasil pembelajaran topik.

Lazimnya, bahan tambahan ini adalah dalam bentuk pautan ke sumber (*hyperlink*) dalam talian yang berkaitan.

### 2.10.1 Kriteria

Setiap topik perlu menyediakan minimum 2 bahan tambahan. Bahan-bahan boleh dikongsikan dalam pelbagai media, e.g. artikel, video (youtube, vimeo), wiki, laman web, podcast seperti yang ditunjukkan dalam kursus *Sea Turtle Biology and Conservation* (sila rujuk Rajah 2.15).

The screenshot displays a course interface with a blue sidebar on the left containing navigation options: Home, Groups, Announcements, Topics & Activities, Additional References (highlighted with a red box), Q & A Zone, UMT Portal, SEATRU Webpage, MOHE Portal, Lecturers, UMTMOOC Team, and UMTMOOC-AR. The main content area is divided into two topics. Topic 5, 'Anthropogenic Threats', features a video thumbnail of a sea turtle with a red play button icon, labeled 'Video Youtube' with a red arrow. Below it is a PDF icon labeled 'Saving Endangered Sea Turtle'. Topic 6, 'Existing Legislation and Policy for Sea Turtles in Malaysia and the V...', features two PDF thumbnails of sea turtles, each labeled 'Artikel Jurnal' with a red arrow. A QR code is located to the right of the PDF thumbnails.

Rajah 2.15: Pautan kepada bahan rujukan tambahan dalam kursus *Sea Turtle Biology and Conservation*

## **2.11 BAHAN PENGAJARAN**

### **2.11.1 Bahan yang disediakan**

Semua bahan yang disediakan untuk pengajaran termasuk video, animasi, audio, gambar, teks dan lain-lain.

### **2.11.2 Disclaimer / penafian**

Setiap kursus mesti disertakan penafian (disclaimer) dari pakar rujuk bidang yang mengesahkan bahawa bahan-bahan yang disediakan tiada unsur politik, agama yang menyentuh sensitiviti kaum.

### **2.11.3 Jumlah masa keseluruhan bahan pengajaran**

Jumlah masa keseluruhan bahan pengajaran perlu bersesuaian dengan kandungan kursus.

### **2.11.4 Hak cipta/Harta intelek**

Bahan-bahan seperti gambar, video dan audio yang digunakan perlu dinyatakan dengan jelas sumber dimana bahan tersebut diambil.

### **2.11.5 Audio dan Grafik**

Kualiti audio dan grafik perlulah dalam keadaan baik dan jelas.

## 2.12 VIDEO PEMBELAJARAN

Video Pembelajaran adalah suatu rakaman, penghasilan dan penyiaran imej bergerak yang bertujuan untuk mendidik atau memberi pengetahuan. Penghasilan bahan ini sering disertakan sekali dengan bunyi yang sesuai (audio dan visual). Penggunaan video dalam penyampaian isi kandungan MOOC bertujuan mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran dengan cara yang lebih menarik dan interaktif.

Ia boleh digunakan untuk menyimpulkan serta meringkaskan konsep-konsep yang rumit dengan cara yang lebih mudah, dan membantu pelajar untuk merujuk bahan pembelajaran secara fleksibel pada bila-bila masa apabila diperlukan. Video boleh dihentikan, diundur dan diulang sekerap mungkin. Ia memberi peluang kepada para pelajar untuk belajar mengikut gaya pembelajaran dan keupayaan masing-masing memahami isi kandungan kursus.

Rakaman video yang dibuat di pelbagai lokasi akan turut membantu mempamerkan kemudahan, kelengkapan dan perkhidmatan yang ada pada universiti terbabit, di samping meningkatkan keterlihatannya kepada khalayak umum.

### 2.12.1 Kategori Video Pembelajaran

Video pembelajaran boleh dikategorikan kepada dua kategori:

- i. Video Asli/Pembangunan Sendiri

Video asli adalah video pembelajaran yang kandungannya dihasilkan dan dibangunkan oleh pihak SME sendiri.

- ii. Video Guna Semula/Pautan daripada Video Sedia Ada

Kandungan pembelajaran sedia ada dalam bentuk video yang telah dibangunkan oleh pihak lain. Bahan ini boleh didapati daripada pelbagai sumber atau platform streaming atas talian. Penggunaan bahan video seperti ini perlu dilihat syarat-

syarat kebenaran penggunaan yang ditetapkan oleh pembangun video (Common Creative Licensed). Contohnya, samada ia bersifat terbuka, dibenarkan perkongsian bertujuan akademik atau bertujuan komersil.

### **2.12.2 Kualiti Video**

Kualiti video asli yang dihasilkan hendaklah jelas dan terang untuk ditonton serta tidak terlalu 'berat' untuk dimainkan secara dalam talian.


### **2.12.3 Pembentang / Penyampai dan Maklumat Pembentang**

Pembentang atau penyampai merupakan individu atau beberapa individu yang terlibat dalam menyampaikan kandungan pembelajaran. Ia boleh terdiri dari pakar rujuk bidang itu sendiri atau individu lain yang difikirkan layak dan mampu menyampaikan kandungan pembelajaran dengan menarik dan berkesan. Sebagai contoh, melantik seorang pelakon atau pengacara bagi menyampaikan atau menerangkan kandungan pembelajaran yang telah disediakan oleh SME. Pembentang ini perlu muncul pada awal video bagi tujuan globalisasi kepakaran mereka. Maklumat seperti nama dan emel perlu dipaparkan seperti ditunjukkan dalam Rajah 2.16(a) dan (b). Maklumat asas mengenai pembentang perlu dipaparkan bagi tujuan promosi dan globalisasi.

BWBB-1013 Foundation of Banking Week 2 Part 1



Rajah 2.16(a): Paparan nama pembentang dalam video



Rajah 2.16(b): Paparan maklumat pembentang dalam video

#### **2.12.4 Tempoh Video Asli**

Kandungan video asli untuk setiap aktiviti perlu dibahagikan kepada segmen-segmen kecil. Dicadangkan durasi setiap video asli yang dibangunkan adalah sekurang-kurangnya 5 minit. Ia bagi menarik minat pelajar dan membantu proses pembelajaran.

Setiap topik perlu mempunyai kandungan asli (video rakaman pengajaran dalam bilik darjah, temu duga dengan pakar, kerja lapangan, persembahan slide dengan narasi atau kandungan dalam bentuk lain).

Tempoh kandungan asli perlu sesuai untuk tempoh pengajaran 5 hingga 14 minggu. Kandungan asli perlu mengandungi aspek-aspek utama pembelajaran

#### **2.12.5 Kandungan Video Asli**

Kandungan video yang disediakan perlu diujarkan kepada Hasil Pembelajaran Kursus dan hanya mengandungi bahan-bahan penting pembelajaran sahaja. Video asli yang dihasilkan dan dibangunkan sendiri boleh terdiri daripada rakaman pelbagai jenis seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.3.

Jadual 2.3: Jenis rakaman bagi kandungan video asli

Jenis Rakaman	Contoh-contoh
Pengajaran dalam bilik darjah / kuliah	
Pengajaran di studio	
Temu duga / temu bual dengan pakar	


Perbincangan / Perbualan



Kendiri (*Self-recording*)



Persembahan slaid dengan video dan narasi penyampai.



Kerja lapangan / *On-location*.



Lakonan / Pemerhatian




Siaran langsung (Live) / Telesidang



Demonstrasi / Simulasi




Layar hijau (Green screen)



Video langsung dengan slaid pembentangan (*Picture-in-Picture*)

**HASIL PEMBELAJARAN**


1. Menyedari bahawa hubungan etnik tidak hanya dipengaruhi oleh unsur etnik semata-mata tetapi juga dipengaruhi oleh unsur-unsur sosial yang lain.
2. Mengetahui bahawa perspektif kesepaduan sosial melihat masyarakat sebagai sebuah entiti sosial yang memiliki keupayaan untuk membentuk kesejahteraan dalam masyarakat.
3. Memahami konsep yang membentuk toleransi antara etnik ke arah menghasilkan kesepaduan sosial dalam kehidupan seharian.




Pengajaran dengan bantuan visual / teks (*visual pop-up / text overlay*)



Penulisan / lakaran / pengiraan




Paparan skrin (*Screen casting*)



Seminar / forum



Penghasilan animasi, simulasi atau 2D / 3D model (bagi menggambarkan sesuatu konsep yang abstrak)



Video kandungan asli tambahan boleh dibangunkan menggunakan pelbagai bentuk perisian/plattom seperti berikut:

- i. Podcast
- ii. Interactive Content (contoh: Voicethread, Storybird, TES, Padlet)
- iii. Wiki / Blog
- iv. Aplikasi Web 2.0 (contoh: Bitable, Prezi, Haiku Deck, Powtoon, VideoScribe, Google Drive Apps.)
- v. Bahan bacaan tambahan (contoh: berformat ppt, doc, pdf, html)
- vi. Pembelajaran berasaskan permainan (Game-Based Learning) / Gamifikasi (contoh: Kahoot!, Quiziz)

Namun begitu, ia tertakluk kepada terma-terma dan syarat yang ditetapkan oleh setiap aplikasi tersebut samada dibenarkan untuk tujuan komersil seperti bagi perisian iSpring dan Powtoon (lihat Rajah 2.17(a) dan (b)).

ARCHITECTURE HERITAGE

## CONTENTS

Definition of Architecture

Definition of Heritage/  
Historical Building & Sites

Definition of Conservation

Universiti Malaysia  
KELANTAN

OUTLINE NOTES

Search...

2. VIDEO

3. CONTENTS

4. DEFINITIONS OF ARCHITECTURE

5. DEFINITION OF HERITAGE/HISTORICAL BUILDING & SITES

5.1. DEFINITION OF HERITAGE/HISTORICAL BUILDING & SITES

5.2. DEFINITION OF HERITAGE/HISTORICAL BUILDING & SITES

5.3. DEFINITION OF HERITAGE/HISTORICAL BUILDING & SITES

5.4. DEFINITION OF HERITAGE/HISTORICAL BUILDING & SITES

5.5. DEFINITION OF HERITAGE/HISTORICAL BUILDING & SITES

3 / 18 00:15 / 00:15

PREV NEXT



Rajah 2.17(a): Video kandungan asli menggunakan perisian iSpring



Rajah 2.17(b): Video kandungan asli menggunakan perisian Powtoon

### 2.12.6 Penggunaan Teks

Penerangan melalui penggunaan visual amat digalakkan berbanding penggunaan teks dalam video yang dipaparkan.

### 2.13 KRITERIA PENILAIAN KUALITI PEMBANGUNAN MOOC

Penilaian pembangunan MOOC dilakukan bagi memenuhi syarat untuk mendapat pengiktirafan sebagai MOOC Malaysia dan dilakukan oleh MyCeL. Kriteria penilaian ditunjukkan dalam **Lampiran A**.

# JAMINAN KUALITI PENAWARAN MyMOOC

## 3.1 PENGENALAN

Penawaran MOOC bermula setelah kursus siap dibangunkan, telah melepasi keperluan jaminan kualiti pembangunan MOOC dan bersedia untuk ditawarkan kepada bakal pelajar. Penawaran terbuka kepada semua dan boleh ditawarkan di mana-mana platform MOOC yang bersesuaian. Pelajar perlu memenuhi keperluan pembelajaran dan pentaksiran MOOC yang akan disertai. Sijil akan diberikan kepada pelajar yang telah selesai mengikuti proses pembelajaran dan pentaksiran MOOC. Penawaran, pembelajaran, pentaksiran, dan penganugerahan sijil MOOC perlu melalui proses jaminan kualiti. Penawaran kursus MOOC melibatkan pelajar, fasilitator, platform MOOC, pusat penyelarasan, fakulti dan Pemberi Pengajian Tinggi (PPT). Pelajar layak memohon perpindahan kredit melalui sijil MOOC jika syarat-syarat dipenuhi.

## 3.2 PEMATUHAN

Semua penawaran MOOC perlu mematuhi semua garis panduan yang dikeluarkan oleh KPT dan mana-mana agensi yang berkaitan. Semua kursus perlu memenuhi jaminan kualiti yang ditetapkan oleh MyCeL jika kursus tersebut ingin disenaraikan dalam Malaysia MOOC (MyMOOC). Antara garis panduan dan dokumen utama bagi penawaran MOOC ialah

- i. DePAN 2.0
- ii. Garis Panduan Pembangunan dan Penyampaian MOOC Malaysia (GPPMM)
- iii. *Guideline For Credit Transfer MOOC* oleh MQA
- iv. *Guidelines to Good Practices: Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award (APEL C)* oleh MQA.

### 3.3 PERINCIAN KURSUS BAGI TUJUAN PENAWARAN

Bagi menawarkan MOOC, pemilik kursus perlu memastikan bahawa kursus tersebut mempunyai maklumat kursus, tempoh kursus, hasil pembelajaran kursus dan kaedah pentaksiran. Sila rujuk Bab 3: Jaminan Kualiti Pembangunan MOOC.

### 3.4 ENROLMEN PELAJAR BAGI MOOC

Bakal pelajar boleh mendaftar mana-mana kursus MyMOOC yang ditawarkan melalui mana-mana platform MOOC. MyMOOC menyediakan kursus berbayar dan kursus tidak berbayar.

### 3.5 GOVERNAN

Terdapat lima (5) jenis badan governan yang terlibat dalam penawaran MOOC iaitu Pemberi Pengajian Tinggi, Penyedia Platform MOOC, Pusat Penyelarasan, Fakulti dan MyCeL.

#### i. Pemberi Pengajian Tinggi (PPT)

PPT bertanggungjawab bagi meluluskan penawaran kursus dan mengesahkan keputusan MOOC pelajar.

#### ii. Penyedia Platform MOOC

Penyedia platform MOOC terdiri daripada pihak yang menyediakan kemudahan pelaksanaan MOOC.

#### iii. Pusat Penyelarasan

Pusat Penyelarasan ialah pusat yang bertanggungjawab di PPT untuk menyelaraskan dan memantau aktiviti penawaran dan pelaksanaan MOOC.

#### iv. **Fakulti**

Fakulti ialah sekolah atau pusat pengajian yang menawarkan MOOC. Semasa penawaran MOOC, Fakulti bertanggungjawab untuk menyenarai, menyediakan maklumat agihan pengajaran MOOC, lantikan, memberi maklum balas kepada Pusat Penyelarasan dan memperakui keputusan MOOC.

#### v. **MyCeL (melalui Jawatankuasa Teknikal MOOC KPT)**

Semasa penawaran MOOC, MyCeL berperanan untuk memastikan MOOC yang akan ditawarkan mematuhi Jaminan Kualiti MOOC, mematuhi piawaian MyMOOC, dan membantu publisiti dan promosi MyMOOC.

### 3.6 **PENSIJILAN**

Pembelajaran dalam MyMOOC adalah percuma dan caj dikenakan bagi perolehan sijil. Terdapat dua (2) jenis sijil yang ditawarkan dalam MyMOOC iaitu Sijil Tamat dan Sijil Pencapaian. Kedua-dua sijil layak digunakan untuk proses pemindahan kredit.

Penetapan kadar bayaran sijil boleh dilakukan dengan mengambil kira faktor bilangan jam kredit, kos pembangunan MOOC, kos penyampaian MOOC atau faktor lain yang sesuai. Contoh penetapan kadar bayaran sijil yang mengambil kira faktor jam kredit adalah seperti Jadual 3.1.

**Jadual 3.1. Contoh Kadar Harga Sijil Pencapaian MOOC berdasarkan Jam Kredit**

Jenis MOOC	Kadar Harga Sijil per Jam Kredit	Contoh
Pra Siswazah	RM100	Bagi MOOC 3 jam kredit, harga sijil = $RM100 \times 3 = RM\ 300$
Pasca Siswazah	RM200	Bagi MOOC 3 jam kredit, harga sijil = $RM200 \times 3 = RM\ 600$

Penetapan kadar agihan bayaran sijil boleh dilakukan oleh PPT kepada entiti yang terlibat dalam pembangunan dan penyampaian MOOC (contoh: Fakulti, Pusat Penyelarasan, SME dan lain-lain). Contoh kadar agihan bayaran sijil kepada entiti yang berkaitan adalah seperti Jadual 3.2. Walau bagaimanapun, kadar dan agihan bayaran adalah tertakluk kepada universiti masing-masing.

**Jadual 3.2. Contoh Agihan Bayaran Sijil Pencapaian MOOC kepada SME dan Pihak Bertanggungjawab yang lain.**

Subjek	Harga Sijil (RM)	Agihan Pemegang Taruh (%)	Jumlah Agihan, RM	Peranan	Peratus Agihan (%)	Jumlah Bayaran, RM
Pra Siswazah (3 jam kredit)	300	30%	RM 90	Penawar Servis Pelantar MOOC (contoh: Open Learning)	30	90.00
		70%	RM 210	Pakar rujuk (SME)	30	63.00
				Fasilitator MOOC (sekiranya ada)	15	31.50
				Penilai/Pentaksir MOOC (sekiranya ada)	15	31.50
				Fakulti/PTJ	20	42.00
				Pusat Pengajaran & Pembelajaran IPTA	20	42.00
			<b>JUMLAH</b>		<b>300.00</b>	

### 3.6.1 Sijil Pencapaian

Sijil Pencapaian ialah pernyataan atau sijil yang memenuhi perkara berikut:

- i. Pelajar menggunakan MOOC bagi tujuan pensijilan
- ii. Aktiviti pembelajaran perlu dilengkapkan
- iii. Tugas telah disemak oleh fasilitator
- iv. Gred diberi di akhir kursus oleh fasilitator
- v. Sijil telah diakui oleh Fakulti dan diluluskan oleh PPT yang berkaitan
- vi. Yuran dikenakan bagi mendapatkan Sijil Pencapaian

Rajah 3.1 (a) dan Rajah 3.1 (b) menunjukkan contoh Sijil Pencapaian yang mempunyai elemen berikut:

- vii. Logo PPT
- viii. Nombor siri sijil
- ix. Tarikh dikeluarkan
- x. Nama pelajar
- xi. Nama kursus
- xii. Pengesahan kursus
- xiii. Logo pengiktirafan oleh MyCeL

Rekabentuk sebenar sijil adalah bergantung kepada PPT dan/atau platform MOOC.



Rajah 3.1(a) : Contoh Sijil Pencapaian MOOC

(Sumber: *Validation of Non-formal MOOC-based Learning*, 2016)



**Rajah 3.1(b) : Contoh Sijil Pencapaian MOOC yang dikeluarkan oleh Openlearning.com**

### 3.6.2 Penyataan Pencapaian

Rajah 3.2 menunjukkan contoh Penyataan Pencapaian yang mempunyai elemen berikut:

- i. Maklumat pelajar
- ii. Maklumat MOOC beserta markah
- iii. Topik
- iv. Pemberatan untuk topik
- v. Tarikh selesai bagi setiap topik
- vi. Nombor rujukan penyataan pencapaian



## 3.7 PERANAN

Bagi tujuan penawaran MOOC, pelbagai pihak perlu memainkan peranan termasuklah fasilitator, pelajar, penyedia platform dan pusat penyelarasan di PPT.

### 3.7.1 Peranan Fasilitator

Peranan fasilitator bagi kursus yang telah ditawarkan adalah seperti berikut:

- i. Memastikan kursus MOOC lengkap dan sedia untuk ditawarkan dan mendapat pengesahan MyCeL dan/atau badan bertanggungjawab.
- ii. Berinteraksi secara berkala dalam MOOC (sekurang-kurangnya sekali bagi setiap dua minggu).
- iii. Menjalankan aktiviti pembelajaran.
- iv. Melakukan penilaian penuh pencapaian pelajar.
- v. Memantau dan mengesahkan kemajuan pelajar secara berkala.
- vi. Menghantar keputusan dan laporan akhir kepada fakulti bagi tujuan pengesahan.

### 3.7.2 Peranan Pelajar

Bagi memastikan setiap pelajar mempunyai peluang untuk memohon pemindahan kredit MOOC, pelajar perlu;

- i. memastikan MOOC yang dipilih memenuhi syarat pemindahan kredit.
- ii. menentukan jenis penawaran kemasukan dan persijilan MOOC.
- iii. melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran MOOC.
- iv. melengkapkan penilaian kursus yang telah ditetapkan.
- v. membuat pembayaran seperti yang ditetapkan (sekiranya ada).

- vi. memberi maklum balas berkaitan kursus.
- vii. memuat turun sijil dalam tempoh yang ditetapkan.

### **3.7.3 Peranan Penyedia Platform MOOC**

Sebagai penyedia platform MOOC, perkara berikut perlu dipatuhi iaitu:

- i. menyediakan platform yang stabil, menyediakan perkhidmatan sokongan 24/7.
- ii. menyediakan kaedah-kaedah penentuan ketulenan sijil.
- iii. menyediakan pangkalan data berkaitan pelajar dan laporan bagi setiap kursus yang ditawarkan.
- iv. menyediakan akses berkaitan pelajar dan maklumat kursus kepada fasilitator MOOC.
- v. menyelaras semua urusan kewangan berkaitan dengan kursus MOOC dengan PPT berkaitan atau fasilitator MOOC.


### **3.7.4 Peranan Pusat Penyelarasan**


Pusat penyelarasan bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berikut:

- i. membuat publisiti dan aktiviti promosi berkaitan MOOC yang ditawarkan.
- ii. mengurus proses penawaran MOOC.
- iii. menyelaras lantikan fasilitator MOOC.
- iv. memantau kemajuan MOOC mengikut jadual yang telah ditetapkan .
- v. memantau isu-isu teknikal berkaitan dengan platform MOOC.
- vi. menyediakan dokumen laporan bagi MOOC yang ditawarkan untuk kelulusan PPT.
- vii. menyelaras kursus MOOC dengan semua pihak-pihak berkaitan.

### 3.8 CADANGAN PROSES PENAWARAN MOOC

Penawaran MOOC perlu mengambilkira tempoh penawaran, aktiviti semasa penawaran dan peranan yang perlu dimainkan oleh pihak yang terlibat seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.2.





**Rajah 3.3: Cadangan Proses Penawaran MOOC**

### 3.9 CADANGAN SENARAI SEMAK BAGI JAMINAN KUALITI PENAWARAN MOOC

Pemberi Pengajian Tinggi disarankan untuk menggunakan senarai semak bagi amalan Jaminan Kualiti Penawaran MOOC. Pihak PPT boleh meminda samada menambah item baru atau menghapus item yang tidak bersesuaian atau memurnikan mana-mana item atau menggabungkan mana-mana item yang berkaitan. Jadual senarai semak boleh dilihat pada **Lampiran B**.

# PELAKSANAAN PENILAIAN KELAYAKAN CALON, KANDUNGAN KURSUS, DAN PENCAPAIAN HASIL PEMBELAJARAN UNTUK PINDAHAN KREDIT MOOC

## 4.1 PENGURUSAN PEMINDAHAN KREDIT

Proses pemindahan kredit bagi sesuatu kursus dalam program yang ditawarkan di PPT perlu menepati kriteria Garis Panduan Pemindahan Kredit MOOC yang ditetapkan oleh MQA. Setiap PPT perlu membuat penambahan di dalam peraturan akademik PPT masing-masing untuk membolehkan permohonan pindah kredit dapat dibuat pada setiap semester kecuali pada semester akhir.

Di samping itu, setiap PPT perlu mempunyai satu jawatankuasa yang menguruskan permohonan pemindahan kredit MOOC. Tadbir Urus Jawatankuasa Pemindahan Kredit (JKPK) di peringkat fakulti adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1. Ini adalah untuk memudahkan proses pemindahan kredit MOOC dilaksanakan di PPT masing-masing.

Unit	Jawatankuasa Pemindahan Kredit (JKPK)
Peranan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• memproses permohonan pemohon</li> <li>• menyemak dokumen pemohon</li> <li>• membuat penilaian pencapaian hasil pembelajaran</li> <li>• mencadangkan keputusan permohonan kepada Senat</li> <li>• memproses rayuan pemohon</li> </ul>
Proses Kerja Permohonan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menerima permohonan pemindahan kredit MOOC daripada pemohon.</li> <li>2. Menerima bayaran yuran proses pemindahan kredit daripada pemohon. Kadar yuran bergantung kepada PPT masing-masing.</li> <li>3. Membuat semakan dokumen permohonan.</li> <li>4. Melantik pakar rujuk kursus untuk menilai kesetaraan kandungan MOOC mencapai 80% daripada kandungan kursus yang hendak dipindah kredit.</li> <li>5. Membuat penilaian pencapaian hasil pembelajaran pemohon melalui pentaksiran secara lisan / bertulis / produk / prestasi.</li> <li>6. Mencadangkan kepada Senat untuk meluluskan permohonan pemindahan kredit pemohon.</li> <li>7. Menerima bayaran yuran mengikut bilangan kredit. Kadar yuran bergantung kepada PPT masing-masing.</li> </ol>
Proses Kerja Rayuan Permohonan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menerima permohonan rayuan pemindahan kredit MOOC daripada pemohon.</li> <li>2. Menerima bayaran yuran proses rayuan pemindahan kredit MOOC daripada pemohon. Kadar yuran bergantung kepada PPT masing-masing.</li> </ol>

Unit	Jawatankuasa Pemindahan Kredit (JKPK)
	<ol style="list-style-type: none"> <li>3. Membuat semakan dokumen berdasarkan laporan keputusan permohonan kali pertama.</li> <li>4. Membuat penilaian pencapaian hasil pembelajaran pemohon melalui pentaksiran secara lisan / bertulis / produk / prestasi (sekiranya perlu).</li> <li>5. Mencadangkan kepada Senat untuk meluluskan permohonan pemindahan kredit pemohon.</li> <li>6. Menerima bayaran yuran mengikut bilangan kredit. Kadar yuran bergantung kepada PPT masing-masing.</li> </ol>

## 4.2 PERMOHONAN PEMINDAHAN KREDIT MOOC

Pemohon hendaklah berstatus pelajar aktif untuk layak memohon pemindahan kredit MOOC bagi kursus-kursus yang terdapat di dalam pelan pengajian pelajar. Hanya kursus MOOC yang telah tamat sahaja, samada MOOC yang diikuti setelah berdaftar sebagai pelajar atau sebelum menjadi pelajar sesebuah institusi, boleh diambil kira untuk permohonan pemindahan kredit.

Pemohon boleh memilih mana-mana MOOC dan tidak terhad kepada *Malaysia MOOCs* sahaja untuk mendapatkan pemindahan kredit dengan syarat pemohon dan kursus MOOC tersebut memenuhi kriteria pemindahan kredit yang ditetapkan. Bentuk pemindahan kredit MOOC adalah Pemindahan Kredit Tanpa Gred.

### 4.2.1 Aras Program

Permohonan pemindahan kredit MOOC hanya boleh dipertimbangkan untuk kursus-kursus dalam peringkat program mengikut MQA seperti yang tertera dalam Jadual 4.2.

Aras MQA	Ganjaran Kelayakan
Aras 8	Ijazah Kedoktoran (Kerja Kursus dan Mod Campuran sahaja)
Aras 7	Sarjana (Kerja Kursus dan Mod Campuran sahaja)
	Pasca Siswazah Diploma
	Pasca Siswazah Sijil
Aras 6	Ijazah
	Siswazah Diploma
	Siswazah Sijil
Aras 5	Diploma Lanjutan
Aras 4*	Diploma
Aras 3	Sijil

*\*Bagi program Diploma Eksekutif, pemindahan kredit MOOC tidak dibenarkan kerana 30 kredit telahpun diberikan melalui APEL (C).*

#### 4.2.2 Syarat-syarat Pemindahan Kredit

Syarat berikut harus dipenuhi bagi pemindahan kredit:

- i. Pemindahan kredit untuk MOOC adalah terhadap kepada kursus-kursus dalam program-program yang telah mendapat akreditasi sementara atau penuh daripada MQA serta kelulusan oleh KPT;
- ii. Pemindahan kredit untuk MOOC hanya diberikan untuk kursus tertentu yang dipohon. Ia tidak terpakai secara automatik kepada pra-syarat (jika ada) daripada kursus tersebut;
- iii. Fakulti bertanggungjawab untuk menentukan kursus yang layak untuk diberi pemindahan kredit. Walau bagaimanapun, pemindahan kredit tidak dibenarkan untuk latihan industri / praktikal / projek tahun akhir / disertasi / tesis;

- iv. Bagi kursus-kursus yang ditawarkan di peringkat pasca ijazah, pemindahan kredit hanya dibenarkan bagi program kerja kursus dan mod campuran;
- v. Bagi kursus dalam program yang melibatkan badan akreditasi, pemindahan kredit tertakluk kepada kelulusan badan-badan profesional;
- vi. Kesetaraan kurikulum/silibus antara kursus MOOC yang hendak dipindahkan kredit dan kursus MOOC yang dibuat perbandingan hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 80%;
- vii. Kredit yang dipindahkan hendaklah setara dengan nilai kredit bagi kursus yang dipohon;
- viii. Pemohon perlu mencapai sekurang-kurangnya Gred C atau tertakluk kepada PPT masing-masing bagi kursus MOOC tersebut; dan
- ix. Kursus-kursus yang diberikan pemindahan kredit akan menyumbang kepada jumlah keperluan kredit bergraduasi tetapi tidak dikira dalam pengiraan PNG dan PNGK program tersebut.

#### **4.2.3 Pemetaan Kandungan Kursus**

Pemindahan kredit melibatkan proses pemetaan, perbandingan, penilaian kandungan MOOC tunggal atau gabungan beberapa MOOC dengan kursus yang dipohon.

#### **4.2.4 Had Pemindahan Kredit**

Pemindahan kredit MOOC adalah sebahagian dari APEL (C). Oleh itu, pemindahan kredit tidak boleh melebihi 30% daripada jumlah kredit bergraduasi seperti yang telah ditetapkan oleh JPT dan MQA. Had pemindahan kredit yang ditetapkan adalah seperti dalam Jadual 4.3:

**Jadual 4.3: Had Maksima Pemindahan Kredit MOOC**

ARAS MQA		KREDIT MINIMA UNTUK BERGRADUAT*	30% DARIPADA JUMLAH KREDIT BERGRADUAT PROGRAM PENGAJIAN
8	Kedoktoran (Program Kerja Kursus dan Mod Campuran)	Berdasarkan kredit yang diluluskan untuk komponen Program Kerja Kursus <i>atau</i> 80	24
7	Ijazah Sarjana (Program Kerja Kursus dan Mod Campuran)	40	12
	Diploma Pasca Ijazah	30	9
	Sijil Pasca Ijazah	20	6
6	Ijazah Sarjana Muda	120	36
	Diploma Siswazah	60+6 (MPU**)	20
	Sijil Siswazah	30 + 6 (MPU**)	11
5	Diploma Lanjutan	40	12
4	Diploma	90	27
3	Sijil	60	18

\* Kredit bergraduati sebenar bagi sesuatu program mungkin lebih tinggi dan berlainan daripada kredit minima bergraduati

\*\* MPU: Mata Pelajaran Umum (General Education Courses)

Sumber: Agensi Kelayakan Malaysia (2016). Garis Panduan Pemindahan Kredit MOOC.

**Nota:** Bagi program Diploma Eksekutif, pemindahan kredit MOOC tidak dibenarkan sekiranya 30 kredit telah diberikan kepada lain-lain pembelajaran tidak formal atau bukan formal melalui APEL (C).

Kursus MOOC yang telah diberi pemindahan kredit hanya boleh digunakan sekali sahaja. Sebagai contoh, sekiranya pemindahan kredit MOOC untuk Kursus A telah diberi di peringkat Diploma, pemohon tidak boleh memohon pemindahan kredit bagi kursus A di peringkat ijazah. Pemohon perlu membuat pengakuan tentang sebarang kursus MOOC yang pernah dibuat pemindahan kredit.

Pemindahan kredit melalui MOOC boleh juga dibuat sebagai tambahan kepada pemindahan kredit secara menegak. Sebagai contoh, pelajar lepasan Diploma layak memohon pemindahan kredit secara menegak sebanyak maksima 30% apabila menyambung pengajian ke peringkat ijazah. Pelajar ini juga layak untuk memohon mendapatkan pemindahan kredit tambahan sebanyak maksima 30% melalui pemindahan kredit MOOC. Ini menjadikan secara keseluruhan maksima 60% pemindahan kredit untuk pengajian pelajar di peringkat ijazah.

### 4.3 KRITERIA PENGANUGERAHAN PEMINDAHAN KREDIT MOOC

Bagi menyokong proses pemindahan kredit MOOC, kriteria berikut mesti dipenuhi berpandukan Guidelines on Credit Transfer for Massive Open Online Courses (MOOC) (MQA, 2016). Ini termasuklah penetapan kualiti MOOC, keperluan kandungan kursus dan kesetaraan kredit, pengesahan identiti pemohon dalam MOOC, dan pengesahan pencapaian hasil pembelajaran seperti di Lampiran C.

#### 4.3.1 Kualiti MOOC, Keperluan Kandungan Kursus dan Kesetaraan Kredit

Bagi mengenalpasti kualiti dan keperluan kandungan kursus, PPT mesti mengesahkan perkara berikut:

- i. Kursus MOOC merupakan sebahagian daripada program yang telah menerima akreditasi MQA atau mana-mana agensi jaminan kualiti antarabangsa;

#### **ATAU**

Sekiranya kursus MOOC tersebut bukan sebahagian daripada program yang telah menerima akreditasi MQA atau mana-mana agensi jaminan kualiti antarabangsa, ia perlu mengandungi elemen-elemen berikut:

- a. Hasil Pembelajaran Kursus (CLO);
- b. Sinopsis Kursus;
- c. Kandungan Kursus;
- d. Aktiviti Pembelajaran;
- e. Tempoh Kursus;
- f. Pentaksiran Kursus;
- g. Instruktur Kursus; dan
- h. Gred Kursus (yang mana berkaitan).

## DAN

- ii. Pemetaan kandungan kursus perlu mencapai 80% dari segi kandungan kursus/ hasil pembelajaran kursus, senarai topik/sub-topik dan tempoh kursus. Kombinasi CLO dan topik/sub-topik dari dua atau beberapa MOOC dibenarkan sekiranya persamaan kursus tidak mencapai 80% berdasarkan elemen berikut:
  - a. Hasil Pembelajaran Kursus (CLO);
  - b. Senarai Topik dan/ atau Sub-Topik; dan
  - c. Tempoh Kursus.
- iii. Kesetaraan kredit MOOC akan diukur berdasarkan Jam Pembelajaran Pelajar (*Student Learning Time*) dan ianya perlu dimaklumkan kepada pemohon. Sebagai panduan di Malaysia, 40 jam pembelajaran (notional hour) adalah bersamaan dengan 1 kredit. Jam pembelajaran boleh bergantung kepada institusi masing-masing di dalam dan luar negara.

### 4.3.2 Pengesahan Identiti Pemohon

Setelah kualiti dan kandungan kursus dikenalpasti, proses seterusnya adalah pengesahan identiti pemohon.

Bagi membolehkan permohonan pemindahan kredit dipertimbangkan, pemohon perlu melampirkan bukti penyertaan MOOC yang diikuti. Ini adalah untuk memastikan bahawa pemohon yang mengikuti MOOC adalah orang yang sama memohon untuk pemindahan kredit.

Pemohon perlu mendapatkan dokumen pengesahan dari organisasi yang menawarkan MOOC yang mengesahkan pemohon telah selesaikan kursus MOOC tersebut. Pengesahan ini boleh dibuat melalui **salah satu** daripada pendekatan berikut:

## Verified Course Completion

- i. *Onsite Proctoring*  
Pendekatan di mana pemohon perlu menunjukkan bukti telah menduduki dan lulus peperiksaan di pusat yang dikendalikan oleh PPT yang menawarkan MOOC atau pihak ketiga yang dilantik,

### ATAU

- ii. *Online Proctoring*  
Pemohon menunjukkan bukti telah menduduki dan lulus peperiksaan yang dibuat secara online di mana pengesahan identiti telah dibuat oleh PPT yang menawarkan MOOC.

### ATAU

## Non-verified Course Completion

Pemohon boleh mengemukakan mana-mana dokumen yang boleh membuktikan pemohon telah tamat mengikuti MOOC berkenaan. Antara dokumen yang boleh dikemukakan adalah seperti berikut:

- i. Sijil Tamat Kursus
- ii. Sijil Pencapaian
- iii. Penyataan Pencapaian
- iv. Penyataan Penglibatan
- v. *Honor Code Certificate*

Sekiranya pengesahan dokumen *onsite verified/online verified* dan *non-verified course completion* tidak disertakan semasa permohonan, pemohon perlu membuat permohonan semula. Bagi permohonan yang disokong oleh dokumen *onsite verified* yang tamat kurang daripada setahun, Jawatankuasa Pindah Kredit, JKPK boleh

mensyorkan pemindahan kredit pada senat PPT. Sekiranya, permohonan tersebut menggunakan *onsite verified* melebihi setahun atau permohonan hanya disokong oleh dokumen *online verified* atau *non-verified* dokumen, PPT perlu melaksanakan beberapa jenis pentaksiran bagi memastikan pemohon telah memenuhi hasil pembelajaran yang ditetapkan. Berdasarkan hasil pentaksiran yang diperolehi dan disahkan oleh PPT, pemindahan kredit boleh ditawarkan.

### 4.3.3 Pengesahan Pencapaian Hasil Pembelajaran

Pencapaian hasil pembelajaran pemohon perlu dinilai dalam MOOC yang diikuti. Pencapaian tersebut dianggap lulus sekiranya telah mencapai Gred C atau seperti yang ditetapkan oleh pihak PPT masing-masing. Dengan itu JKPK fakulti yang dilantik perlu memastikan kesahan dan kebolehpercayaan pentaksiran yang dibangunkan sejajar dengan hasil pembelajaran kursus. Jenis-jenis pentaksiran yang boleh digunakan adalah seperti berikut:

#### *Pentaksiran Berbentuk Lisan*

Pentaksiran berbentuk lisan boleh dilaksanakan secara berstruktur atau/dan dalam bentuk temuduga dan kedua-duanya boleh dilaksanakan sama ada secara bersemuka atau dalam talian.

#### *Pentaksiran Bertulis*

Pentaksiran bertulis secara close/open book boleh dilaksanakan secara on-site/online proctoring.

#### *Pentaksiran Produk*

Produk yang dihasilkan daripada pembelajaran secara MOOC seperti perisian, lukisan, contoh hasil kerja, bahan yang diterbitkan dan portfolio boleh dijadikan bukti pembelajaran telah berlaku. Fakulti yang terlibat boleh mengesahkan kesahihan dan

keaslian produk/artifak dengan cara menyoal selidik atau menghasilkan semula bahan tersebut.

#### *Pentaksiran Prestasi*

Demonstrasi pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dari MOOC seperti persembahan, pembentangan, main peranan (*role play*) atau cara persembahan yang lain juga dianggap sebagai bukti pembelajaran.

Pihak JKPK berhak memilih mana-mana satu atau gabungan pendekatan yang sah dan boleh percaya. Dokumentasi bukti dan keputusan penilaian perlu direkodkan untuk tujuan audit dan penambahbaikan berterusan.

#### **4.3.4 Keputusan Penganugerahan Pemindahan Kredit MOOC**

Keputusan untuk menganugerah pemindahan kredit bergantung kepada hasil pentaksiran yang dibuat. Hanya permohonan yang memenuhi kriteria yang ditetapkan sahaja layak dianugerahkan pemindahan kredit. Pengesahan pemindahan kredit MOOC perlu dibuat oleh Senat PPT atau pengurusan tertinggi di institusi tersebut.

#### **4.3.5 Penganugerahan pemindahan kredit**


Fakulti seterusnya akan memaklumkan keputusan Senat PPT kepada pemohon. Bagi PPT yang mengenakan bayaran yuran pemindahan kredit, pemohon yang berjaya perlu membayar yuran tersebut berdasarkan kos per kredit mengikut ketetapan PPT masing-masing sebelum diberikan pemindahan kredit.

#### **4.3.6 Rayuan**

Pemohon boleh membuat rayuan dengan membuat penyemakan semula atau melengkapkan semula dokumen permohonan pemindahan kredit MOOC sekiranya permohonan tidak berjaya. Polisi rayuan pemindahan kredit sedia ada di PPT digunapakai. Keputusan rayuan adalah muktamad.

#### 4.4 ALIRAN PROSES PEMINDAHAN KREDIT MOOC

Secara umumnya, aliran proses pemindahan kredit MOOC mengikut carta alir seperti Rajah 4.1. Walau bagaimanapun, aliran tersebut tertakluk kepada keperluan proses pemindahan kredit di PPT masing-masing. Senarai semak bagi permohonan pindah kredit boleh dirujuk dalam **Lampiran C**.



Rajah 4.1: Carta Alir Proses Pemindahan Kredit MOOC

# RUJUKAN

- Hal Ehwal Akademik UiTM. (2016). *Draf Garis panduan pembangunan kurikulum fleksibel UiTM: Ijazah pertama dan pascasiswazah secara kerja kursus dan mod campuran*. Unpublished document.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2015). *Dasar e-Pembelajaran Negara 2.0*. Jabatan Pendidikan Tinggi.
- Malaysian Qualifications Agency. (2009). *Guideline to good practices: Accreditation of prior learning*. Retrieved from <http://www.mqa.gov.my/APEL/pdf/GGP.pdf>.
- Ministry of Education. (2015). *e-Learning Guidelines for Malaysian HEIs*. Putra Jaya: BPM
- Ministry of Education. (2016a). *Guidelines for development and delivery of Malaysia MOOC*. Putra Jaya: BPPA
- Ministry of Education. (2016b). *Guidelines on credit transfer for MOOCs*. Petaling Jaya: MQA.

# PENUTUP

Buku Amalan Kualiti MOOC Malaysia ini merangkumi aspek kualiti yang dititik berat semasa pembangunan dan penawaran MOOC serta proses pemindahan kredit MOOC di PPT. Selaras dengan akreditasi program oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), MOOC Malaysia menawarkan pelbagai kursus yang kebanyakannya berasal dari program bersemuka di PPT. Melalui penerangan terperinci amalan kualiti MOOC Malaysia ini, pembudayaan amalan kualiti dapat diterapkan bagi memperkasa MOOC Malaysia.

# LAMPIRAN

## LAMPIRAN A

KRITERIA PENILAIAN KUALITI MOOC								
Tujuan penilaian: memenuhi syarat untuk mendapat taraf MyMOOC dari MyCEL								
Syarat utk mendapatkan pengesahan MyCEL perlu dapat skala penuh (4) untuk semua item.								
Tajuk Kursus								
URL kursus								
No.	Petunjuk Kualiti		Penerangan	Skala Penilaian Kualiti				
1	Logo diletakkan pada <i>landing page</i> dan <i>banner</i> kursus IPT		0= Landing page dan banner kursus IPT tidak langsung mengandungi sebarang elemen 1 = Landing page dan banner kursus IPT mengandungi sekurang-kurangnya 2 elemen daripada 8 elemen 2= Landing page dan banner kursus IPT mengandungi	0	1	2	3	4
	Landing Page IPT							
	Logo KPT							
	Logo IPT							
	Logo MOOC IPT							

	Resolusi (min 72 ppi)		sekurang-kurangnya 4 elemen daripada 8 elemen 3= Landing page dan banner kursus IPT mengandungi sekurang-kurangnya 6 elemen daripada 8 elemen 4= Landing page dan banner kursus IPT mengandungi kesemua 8 elemen					
	Banner Kursus IPT (pada laman kursus) selepas menyertai kursus							
	Logo KPT							
	Logo IPT							
	Logo MOOC IPT							
	Resolusi (min 72 ppi)							
2	Video Promosi :		0 = Tiada video promosi 1= Video Promosi mengandungi 1 daripada 4 elemen. 2= Video Promosi mengandungi 2 daripada 4 elemen. 3= Video Promosi mengandungi 3 daripada 4 elemen. 4= Video Promosi mengandungi kesemua 4 elemen.	0	1	2	3	4
	Maklumat keseluruhan kursus							
	hasil kursus							
	lain-lain maklumat yang relevan (cth : pengetahuan sedia ada)							
	Panggilan untuk penyertaan							

3	Maklumat dalam laman kursus mencukupi (sebelum menyertai kursus)	<p>0= Laman utama tidak mengandungi sebarang elemen</p> <p>1= Laman utama mengandungi sekurang-kurangnya 2 daripada 8 elemen</p> <p>2= Laman utama mengandungi sekurang-kurangnya 4 daripada 8 elemen</p> <p>3= Laman utama mengandungi sekurang-kurangnya 6 daripada 8 elemen</p> <p>4= Laman utama mengandungi semua daripada 8 elemen</p>	0	1	2	3	4
	a. Tajuk kursus						
	b. Penerangan kursus/synopsis						
	c. Hasil pembelajaran kursus (min 2, max 7)						
	d. Maklumat fasilitator						
	e. Tempoh (tarikh mula dan akhir)						
	f. Pengumuman * Jenis pengendalian kursus (kendiri dalam talian..)						
	g. Maklumat jenis penaksiran * Penaksiran termasuk kuiz, projek, aktiviti						

4	Maklumat pada laman Home mencukupi (selepas menyertai kursus)	0= Laman utama tidak mengandungi sebarang elemen 1= Laman utama mengandungi sekurang-kurangnya 2 daripada 7 elemen 2= Laman utama mengandungi sekurang-kurangnya 4 daripada 7 elemen 3= Laman utama mengandungi sekurang-kurangnya 6 daripada 7 elemen 4= Laman utama mengandungi semua elemen	0	1	2	3	4
	a. Tajuk kursus						
	b. Penerangan kursus/sinopsis						
	c. Hasil pembelajaran kursus (min 2, max 7)						
	d. Set induksi kursus - penarik perhatian						
	e. Tempoh (tarikh mula dan tamat)						
	f. Senarai topik dan sub topik						
	g. Etika - penyata etika						
5	Hasil topik pembelajaran (TLO) dinyatakan dengan jelas	0 = TLO tidak dinyatakan 1= Sekurang-kurangnya 25% TLO dinyatakan. 2= Sekurang-kurangnya 50%	0	1	2	3	4

	* setiap topik mempunyai TLO dan disemak kesesuaiannya	TLO dinyatakan. 3= Sekurang-kurangnya 75% TLO dinyatakan. 4= 100% TLO dinyatakan.					
	* topik, modul dan tajuk						
6	Aktiviti disediakan dalam kursus	0=Tiada aktiviti dinyatakan 1= 25% topik mengandungi sekurang-kurangnya 1 aktiviti 2= 50% topik mengandungi sekurang-kurangnya 1 aktiviti 3= 75% topik mengandungi sekurang-kurangnya 1 aktiviti 4= 100% topik mengandungi sekurang-kurangnya 1 aktiviti	0	1	2	3	4
	* setiap topik perlu mengandungi sekurang-kurangnya 1 aktiviti						
7	Penaksiran dinyatakan berdasarkan CLO yang telah dinyatakan	0=Tiada pentaksiran dinyatakan 1= Sekurang-kurangnya 25% topik mengandungi sekurang-kurangnya 1 pentaksiran 2= Sekurang-kurangnya 50% topik mengandungi sekurang-kurangnya 1 pentaksiran 3= Sekurang-kurangnya 75% topik mengandungi sekurang-kurangnya 1	0	1	2	3	4
	* setiap topik mengandungi sekurang-kurangnya 1 penaksiran						

		pentaksiran 4= 100% - Semua topik mengandungi sekurang- kurangnya 1 pentaksiran					
8	Sumber bacaan tambahan dinyatakan	0=Tiada Sumber Tambahan Bacaan 1= Sekurang-kurangnya 25% topik mengandungi sekurang-kurangnya 2 bahan bacaan tambahan 2= Sekurang-kurangnya 50% topik mengandungi sekurang-kurangnya 2 bahan bacaan tambahan 3= Sekurang-kurangnya 75% topik mengandungi sekurang-kurangnya 2 bahan bacaan tambahan 4= 100% topik mengandungi sekurang-kurangnya 2 bahan bacaan tambahan	0	1	2	3	4
	* setiap topik sekurang- kurangnya mempunyai 2 bahan bacaan tambahan						
	* Contoh : Pautan luar seperti Youtube, artikel tambahan						
9	Bahan pengajaran kursus yang disediakan menepati keperluan kursus. Bahan seperti video lain, penggunaan web 2.0 dll	0= Video Pengajaran tidak mengandungi sebarang elemen. 1= Video Pengajaran mengandungi 1 daripada 5 elemen.	0	1	2	3	4

	a. Bahan yang disediakan memenuhi CLO		<p>2= Video Pengajaran mengandungi 2 daripada 5 elemen.</p> <p>3= Video Pengajaran mengandungi 4 daripada 5 elemen.</p> <p>4= Video Pengajaran mengandungi semua elemen</p>					
	b. Bahan pengajaran tiada unsur politik, agama yang menyentuh sensitiviti kaum - pernyataan penafiann (disclaimer) dinyatakan sekurang-kurangnya sekali di mana-mana ruang							
	c. Jumlah masa keseluruhan bahan pengajaran video amat bersesuaian							
	d. Hakcipta harta intelek dipatuhi							
	e. Audio dan grafik yang jelas							
10	Kandungan dalam setiap video asli pengajaran		0= Video Pengajaran tidak mengandungi sebarang elemen.	0	1	2	3	4

	a. Pembentang *pakar rujuk bidang/fasilitator pembentangan dipaparkan pada awal video		1= Video Pengajaran mengandungi 1 daripada 4 elemen. 2= Video Pengajaran mengandungi 2 daripada 4 elemen. 3= Video Pengajaran mengandungi 3 daripada 4 elemen. 4= Video Pengajaran mengandungi semua elemen					
	b. Maklumat pembentang * Nama pembentang dan maklumat yang sesuai							
	c. Bahan pengajaran disampaikan oleh pembentang							
	d. Kejelasan video (audio dan grafik/paparan yang jelas)							
11	video asli disediakan dalam kursus		0=Tiada Sumber Tambahan Bacaan 1= 25% topik mengandungi sekurang-kurangnya 1 video asli 2= 50% topik mengandungi sekurang-kurangnya 1 video	0	1	2	3	4
	* setiap topik perlu mengandungi video asli							

		asli 3= 75% topik mengandungi sekurang-kurangnya 1 video asli 4= 100% topik mengandungi sekurang-kurangnya 1 video asli					
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>/44</b>				
<b>Komen keseluruhan</b>	Dicadangkan untuk pembetulan						
	Disokong sebagai kursus MyMOOC (semua item penilaian mendapat 4 markah)						
<b>Komen</b>							
<b>Tandatangan</b>							
<b>Nama</b>							
<b>Tarikh</b>							

## LAMPIRAN B

### Jadual Senarai Semak Penawaran MOOC

No	Item & Kriteria	Senarai Semak (Ya/Tidak)	Catatan
<b>A</b>	<b>Pensijilan</b>		
<b>A1</b>	<b>Senarai Semak Penganugerahan Sijil Pencapaian kepada Pelajar</b>		
	Aktiviti pembelajaran perlu dilengkapkan		
	Tugasan telah disemak oleh fasilitator		
	Gred diberi di akhir kursus oleh fasilitator		
	Sijil telah diakui oleh Fakulti dan diluluskan oleh PPT yang berkaitan		
	Yuran dikenakan bagi mendapatkan Sijil Pencapaian		
	Pelajar boleh memohon pemindahan kredit MOOC menggunakan Sijil Pencapaian atau Pernyataan Pencapaian		

<b>A2</b>	<b>Senarai Semak Penganugerahan Sijil Tamat Kursus kepada Pelajar</b>		
	Sijil telah diakui oleh Fakulti		
	Yuran boleh dikenakan bagi mendapatkan Sijil Tamat		
<b>A3</b>	<b>Reka Bentuk Sijil</b>		
	Logo PPT		
	Nombor siri sijil		
	Tarikh dikeluarkan		
	Nama pelajar		
	Nama kursus		
	Pengesahan kursus		
	Logo pengiktirafan oleh MyCeL		
<b>A3</b>	<b>Reka Bentuk Sijil Tamat/Pencapaian</b>		
	Maklumat pelajar		

	Maklumat kursus		
	Tarikh selesai kursus		
	Nombor rujukan pernyataan pencapaian		
	Sijil kursus ditandatangani oleh SME		
<b>A4</b>	<b>Reka Bentuk Transkrip bagi Sijil Pencapaian</b>		
	Maklumat pelajar		
	Maklumat MOOC beserta gred		
	Topik		
	Pemberatan untuk topik		
	Tarikh selesai bagi setiap topik		
	Nombor rujukan pernyataan pencapaian		
	Pengesahan kursus		

<b>B</b>	<b>Peranan Pemberi MOOC</b>		
<b>B1</b>	<b>Peranan Fasilitator</b>		
	Memastikan kursus MOOC lengkap dan sedia untuk ditawarkan dan mendapat pengesahan MyCeL dan/atau badan bertanggungjawab		
	Berinteraksi secara berkala dalam MOOC (sekurang-kurangnya sekali bagi setiap dua minggu)		
	Menjalankan aktiviti pembelajaran		
	Melakukan penilaian penuh pencapaian pelajar		
	Memantau dan mengesahkan kemajuan pelajar secara berkala		
	Menghantar keputusan dan laporan akhir kepada Fakulti bagi tujuan pengesahan		
<b>B2</b>	<b>Peranan Pelajar</b>		
	Memastikan MOOC yang dipilih memenuhi syarat pemindahan kredit		
	Menentukan jenis penawaran kemasukan dan persijilan MOOC		

	Melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran MOOC		
	Melengkapkan penilaian kursus yang telah ditetapkan		
	Membuat pembayaran seperti yang ditetapkan (sekiranya ada)		
	Memberi maklum balas berkaitan kursus		
	Memuat turun sijil dalam tempoh yang ditetapkan		
<b>B3</b>	<b>Peranan Penyedia Platform MOOC</b>		
	Menyedia platform yang stabil		
	Menyedia perkhidmatan sokongan 24/7		
	Menyedia kaedah-kaedah penentuan ketulenan sijil		
	Menyedia pangkalan data berkaitan pelajar dan laporan bagi setiap kursus yang ditawarkan		
	Menyedia akses berkaitan pelajar dan maklumat kursus kepada fasilitator MOOC		

	Menyelaras semua urusan kewangan berkaitan dengan kursus MOOC dengan PPT berkaitan atau fasilitator MOOC		
<b>B4</b>	<b>Peranan Pusat Penyelarasan</b>		
	Membuat publisiti dan aktiviti promosi berkaitan MOOC yang ditawarkan		
	Mengurus proses penawaran MOOC		
	Menyelaras lantikan fasilitator MOOC		
	Memantau kemajuan MOOC mengikut jadual yang telah ditetapkan		
	Memantau isu-isu teknikal berkaitan dengan platform MOOC		
	Menyedia dokumen laporan bagi MOOC yang ditawarkan untuk kelulusan PPT		
	Menyelaras kursus MOOC dengan semua pihak-pihak berkaitan		

## LAMPIRAN C

<b>PELAN TINDAKAN PERMOHONAN PEMINDAHAN KREDIT (Jawatankuasa Pindah Kredit)</b>
1. Memastikan pelajar yang memohon berstatus aktif.
2. Mengesahkan kursus MOOC yang dipohon bagi tujuan pemindahan kredit telah selesai dan lulus sepenuhnya berdasarkan portfolio yang dikemukakan oleh pemohon yang mengandungi perkara berikut:
a. Hasil Pembelajaran Kursus (CLO)
b. Sinopsis Kursus;
c. Kandungan Kursus
d. Aktiviti Pembelajaran
e. Tempoh Kursus
f. Pentaksiran Kursus
g. Instruktur Kursus
h. Bukti pemohon telah mengikuti MOOC dengan sepenuhnya
i. Gred Kursus (yang mana berkaitan)
3. Memetakan kandungan kursus dan MOOC mencapai 80% dari segi sinopsis kursus/ hasil pembelajaran kursus, senarai topik /sub-topik dan tempoh kursus.
4. Memproses permohonan selepas penilaian hasil pembelajaran dibuat.

5. Membentangkan status permohonan pemindahan kredit MOOC kepada pengurusan tertinggi PPT.
6. Memaklumkan status penganugerahan pemindahan kredit MOOC kepada pemohon setelah mendapat keputusan daripada pengurusan tertinggi PPT.
7. Memproses permohonan rayuan sekiranya ada.

#### **SENARAI SEMAK PERMOHONAN PEMINDAHAN KREDIT MOOC (PEMOHON)**

1. Pemohon merupakan pelajar berstatus aktif.
2. Kursus MOOC yang dipohon pemindahan kredit telah selesai dan lulus sepenuhnya.
3. Senaraikan kursus-kursus MOOC yang setara dengan yang dipohon untuk tujuan pemindahan kredit.
4. Permohonan pemindahan kredit tidak melebihi 30% daripada jumlah kredit keseluruhan program pengajian.
5. Menyediakan satu portfolio yang mengandungi bukti penyertaan dan pengesahan hasil pembelajaran MOOC seperti berikut:
  - a. Hasil Pembelajaran Kursus (CLO)
  - b. Sinopsis Kursus;
  - c. Kandungan Kursus;

d. Aktiviti Pembelajaran;
e. Tempoh Kursus;
f. Pentaksiran Kursus;
g. Instruktur Kursus;
h. Bukti pemohon telah mengikuti MOOC dengan sepenuhnya
i. Gred Kursus (yang mana berkaitan)
6. Membuat pembayaran yuran bagi tujuan pemprosesan dengan kadar dan cara yang ditetapkan oleh pihak PPT.

# GLOSARI

## **Content page**

Laman kandungan sesuatu kursus yang memberi maklumat secara ringkas tentang kursus tersebut termasuk kesemua topik, subtopik, pentaksiran dan aktiviti yang berkaitan.

## **Course Learning Outcome (CLO)**

Hasil pembelajaran untuk sesuatu kursus. Di akhir kursus, pelajar seharusnya memperoleh pengetahuan, kemahiran dan sikap seperti mana yang ditetapkan oleh CLO.

## **Instruktur**

Individu yang bertanggung jawab mengendalikan MOOC.

## **Moderator**

Individu yang membantu instruktur dalam memoderasi aktiviti MOOC.

## **Landing Page**

Laman utama sesuatu kursus yang memberi maklumat secara ringkas tentang kursus tersebut dan maklumat lain yang berkaitan seperti sinopsis, hasil pembelajaran, tatacara pengajaran dan juga maklumat instruktur.

## **Pembelajaran dalam talian**

Suatu pembelajaran di mana 80% dan ke atas kandungan kursus disediakan dalam talian dan penyampaiannya sama ada secara segerak (*synchronous*) atau tidak segerak (*asynchronous*).

### **Pembelajaran *in-session***

Pembelajaran yang mempunyai tarikh mula dan tarikh akhir. Cara pengendalian berstruktur mengikut minggu.

### **Pembelajaran *kendiri***

Pelajar mengikuti kursus yang dikendalikan mengikut keperluan dan kesesuaian secara terarah dan kemampuan individu.

### **Pindah kredit tanpa gred**

Pindah kredit tanpa gred turut dipanggil sebagai pengecualian kredit di mana kredit bagi kursus tersebut dikira sebagai sebahagian daripada keperluan kredit untuk bergraduasi bagi suatu program.

### **Reka bentuk pengajaran**

Satu pelan yang memandu proses instruksi mengikut satu rancangan yang sistematik berasaskan prinsip yang tertentu.

### ***Subject Matter Expert (SME)***

Ahli akademik/Pakar rujuk dalam bidang pengajian yang terlibat dalam pembangunan dan pengendalian kursus

### ***Topic Learning Outcome (TLO)***

Hasil pembelajaran untuk sesuatu topik. Di akhir topik, pelajar seharusnya memperoleh pengetahuan, kemahiran dan sikap seperti mana yang ditetapkan oleh TLO.

# PENYUMBANG

Adzhar Kamaludin

Ahmad Fadzli Nizam bin Abdul Rahman

Ahmad Shaarizan bin Shaarani

Aini Marina Ma'rof

Aisyah Saad Abdul Rahim

Alyani Ismail

Anelka Aziz Hussin

Azidah Abu Ziden

Chandra Mohgan A/L Lechman

Chuah Kee Man

Farrah Dina Yusop

Fauziah Abdul Rahim

Fong Soon Fook

Gan Leong Ming

Harrinni Md Noor

Hemmy Abd Jalal

Hishamuddin Abdul Wahab

Irwan Mahazir Ismail

Johan@Eddy Luaran

Kenneth Francis Rodrigues

Liew Thor Seng

Mohammad Bin Hossin

Mohd Nihra Haruzuan Mohd Said

Mohd Idham Abdul Rashid

Mohd. Shukri Nordin

Universiti Malaysia Pahang

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Universiti Putra Malaysia

Universiti Sains Malaysia

Universiti Putra Malaysia

Universiti Teknologi MARA

Universiti Sains Malaysia

Bahagian Pengurusan Pembangunan

Akademik (BPPA)

Universiti Malaysia Sarawak

Universiti Malaya

Universiti Utara Malaysia

Universiti Malaysia Sabah

Universiti Malaysia Pahang

Universiti Teknologi MARA

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Universiti Sains Islam Malaysia

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Universiti Teknologi MARA

Universiti Malaysia Sabah

Universiti Malaysia Sabah

Universiti Malaysia Sarawak

Universiti Teknologi Malaysia

Universiti Putra Malaysia

Universiti Islam Antarabangsa

Muhamad Shahbani Abu Bakar

Najwa Hayaati Mohd Alwi

Noraida Hj. Ali

Norasiken Bakar

Norshahriah Wahab

Nur Hafizah Zakaria

Nurbiha A Shukor

Nurkhamimi Zainuddin

Rabiatul Addawiyah Hanim Bt Mohd Rosli

Rosemaliza binti Mohd Kamalludeen

Rozita Hussain

Sazilah Salam

Shahrul Mizan Bin Ismail

Sharifah Wajihah Wafa Bt Syed Saadun

Tarek Wafa

Suria Baba

Syakirah Binti Shamsudin

Syarilla Iryani A Saany

Tan Tse Guan

Wan Zuhainis Saad

Zahiruddin Fitri Bin Abu Hassan

Zainal Abidin Sayadi

Zaleha Abdullah

Universiti Utara Malaysia

Universiti Sains Islam Malaysia

Universiti Malaysia Terengganu

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Universiti Pertahanan Nasional

Malaysia

Bahagian Pengurusan Pembangunan

Akademik (Bppa)

Universiti Teknologi Malaysia

Universiti Sains Islam Malaysia

Universiti Malaysia Terengganu

Universiti Islam Antarabangsa

Universiti Pertahanan Nasional

Malaysia

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Universiti Kebangsaan Malaysia

Universiti Sultan Zainal Abidin

Universiti Malaysia Kelantan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Universiti Sultan Zainal Abidin

Universiti Malaysia Kelantan

Universiti Putra Malaysia

Universiti Malaya

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Universiti Teknologi Malaysia





MALAYSIA  
**MOOC**  
MASSIVE OPEN ONLINE COURSES

